

HANDBOOK
AKTA
AGENSI
PEKERJAAN
SWASTA
1981
(AKTA 246)

**JABATAN TENAGA KERJA
SEMENANJUNG MALAYSIA**

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



EDISI PERTAMA 2021



JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Hakcipta terpelihara. *Handbook* Akta 246 merupakan dokumen rujukan dalaman pegawai JTKSM dan bukan merupakan dokumen perundangan yang boleh digunapakai sebagai autoriti. Dokumen ini boleh dimuat turun di laman web Jabatan oleh pegawai JTKSM dan bukan untuk dijual.

HANDBOOK AKTA AGENSI PEKERJAAN SWASTA 1981 [AKTA 246]

PRAKATA

Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Akta 246) merupakan Akta yang mengawal aktiviti agensi pekerjaan swasta (APS) di Malaysia dan menjaga hak serta kebajikan pencari-pencari kerja. Akta ini mengkehendaki APS mempunyai lesen yang sah dan perjalanan aktiviti APS perlu mengikut lunas undang-undang yang ditetapkan. APS juga dikehendaki mengemukakan maklumat berkaitan pendaftaran dan penempatan pekerja untuk memudahkan pemantauan oleh Jabatan Tenaga Kerja.

Akta ini telah mula berkuatkuasa pada 19 Februari 1981 dan terpakai seluruh negara. Akta tersebut telah dipinda sebanyak 2 kali iaitu pindaan kali pertama pada tahun 2005 manakala pindaan kali kedua yang dibuat pada 1 Oktober 2018 telah menyebabkan perubahan yang besar kepada pemegang dan pemohon lesen APS.

Handbook Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Akta 246) ini adalah kesinambungan dari *Handbook* Akta Kerja 1955 (Akta 256). *Handbook* ini akan menjadi panduan yang jelas dan seragam kerana dilengkapi dengan tafsiran undang-undang, arahan-arahan dan garis panduan yang berkaitan.

Handbook ini diharapkan dapat memberi manfaat dan menjadi sumber rujukan kepada semua pegawai JTKSM dalam mengawal selia aktiviti yang berkaitan dengan APS.

PERUTUSAN KETUA PENGARAH

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

dan salam sejahtera



Alhamdulillah, syukur ke hadrat illahi di atas penerbitan *Handbook* Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Akta 246) untuk pegawai Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JKSM). Ini merupakan satu lagi inisiatif jabatan untuk mempertingkatkan kemahiran pegawai dalam melaksanakan skop kerja jabatan yang diamanahkan. Penghasilan *handbook* ini juga adalah kesinambungan daripada penerbitan *Handbook* Akta Kerja 1955 (Akta 256). Penerbitan *handbook* ini adalah penting untuk memanfaatkan dan menyeragamkan pemahaman yang lebih standard kepada para pegawai JKSM bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan pemegang taruh adalah profesional, efektif dan efisien.

Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam penghasilan *handbook* ini terutamanya kepada pasukan pengarang yang diketuai oleh Tuan Haji Mohd Hajazy bin Jusoh, Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Negeri Terengganu, koordinator iaitu Tuan Haji Yusoff bin Harun, Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik dan pasukan penyelarasa.

Harapan saya agar *Handbook* Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Akta 246) ini dapat memberi manfaat dan sebagai rujukan standard kepada semua pegawai JKSM dalam melaksanakan tugas sebagai pegawai perhubungan perusahaan yang kompeten. Naskah ini merupakan *handbook* kedua keluaran JKSM dan akan ditambah baik dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

Haji Asri bin Ab Rahman
Ketua Pengarah Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
Putrajaya

Oktober 2021

ISI KANDUNGAN

HANDBOOK AKTA AGENSI PEKERJAAN SWASTA 1981 [AKTA 246]

PRAKATA

PERUTUSAN KETUA PENGARAH

<i>Susunan seksyen</i>	
<i>Seksyen 1-2 - Tajuk ringkas & pemakaian</i>	1
<i>Seksyen 3 - Tafsiran</i>	1-6
<i>Seksyen 4 - Fungsi dan kuasa Ketua Pengarah</i>	6
<i>Seksyen 4A - Perwakilan fungsi dan kuasa Ketua Pengarah</i>	7
<i>Seksyen 5 - (Dipotong)</i>	7
<i>Seksyen 6 - Perlindungan terhadap tindakan guaman dan prosiding undang-undang</i>	7
<i>Seksyen 7 - Kehendak bagi lesen</i>	7-8
<i>Seksyen 8 - Permohonan bagi suatu lesen</i>	8-10
<i>Seksyen 9 - Pematuhan syarat yang dikenakan bagi permohonan lesen</i>	10-11
<i>Seksyen 9A - Pemberian atau penolakan pemberian lesen</i>	11
<i>Seksyen 9B - Kuasa untuk mengenakan syarat</i>	12
<i>Seksyen 10 - Tempoh lesen</i>	12
<i>Seksyen 11 - Membaharui lesen</i>	12-14
<i>Seksyen 11A - Penggantungan atau pembatalan lesen</i>	14-16
<i>Seksyen 12 - Tempat perniagaan hendaklah seperti yang disebutkan dalam lesen</i>	16
<i>Seksyen 13 - Mempamerkan lesen</i>	17
<i>Seksyen 13A - Penggantian lesen</i>	17
<i>Seksyen 13B - Penyerahhakan atau pemindahan lesen</i>	17-18
<i>Seksyen 13C - Sewaan atau pajakan lesen</i>	18
<i>Seksyen 13D - Dokumen pengenalan diri</i>	18-19
<i>Seksyen 13E - Penubuhan cawangan</i>	19-21
<i>Seksyen 13F - Permohonan bagi pertukaran kategori lesen</i>	21-22
<i>Seksyen 13G - Notis pemberhentian operasi</i>	22-23
<i>Seksyen 14 - Fi bagi perkhidmatan</i>	23
<i>Seksyen 14A - Fi pendaftaran</i>	23
<i>Seksyen 14B - Fi penempatan</i>	24
<i>Seksyen 14C - Wang jaminan</i>	24-25
<i>Seksyen 14D - Penggunaan wang jaminan oleh Ketua Pengarah</i>	25-26
<i>Seksyen 14E - Pemulangan wang jaminan</i>	27
<i>Seksyen 14F - Pelucuthakan wang jaminan</i>	27
<i>Seksyen 15-17 - (Dipotong)</i>	28
<i>Seksyen 18 - Iklan</i>	28
<i>Seksyen 19 - Penyediaan, penyenggaraan dan penyimpanan rekod</i>	28-29
<i>Seksyen 19A - Pemberitahuan perubahan maklumat yang diberikan</i>	29
<i>Seksyen 20 - (Dipotong)</i>	30
<i>Seksyen 21 - Kuasa penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan</i>	30
<i>Seksyen 22 - (Dipotong)</i>	30
<i>Seksyen 23 - Kuasa untuk mengeluarkan arahan</i>	30
<i>Seksyen 24 -25 - (Dipotong)</i>	31
<i>Seksyen 26 - Rayuan</i>	30-31

<i>Seksyen 27 - Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan</i>	31
<i>Seksyen 27A - Kuasa untuk meminda Jadual</i>	31
<i>Seksyen 28 - Kesalahan dan penalti</i>	31-32
<i>Seksyen 29 - (Dipotong)</i>	32
<i>Seksyen 30 - Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan</i>	32-33
<i>Seksyen 31 - Pendakwaan</i>	33
<i>Seksyen 32 - Kuasa untuk mengkompauun kesalahan</i>	33-35
JADUAL PERTAMA	
<i>[Seksyen 8, 9A, 11, 13A, 13D, 13E, 13F, 14, 14A, 14B, 28]</i>	36-37
JADUAL KEDUA	
<i>[Seksyen 8, 9, 9A, 11, 13E, 13F, 14C, 14D]</i>	38
SENARAI PINDAAN	39
SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA	40-41
RUJUKAN	
<i>Senarai Rujukan Pekeliling dan Arahan Ketua Pengarah</i>	42
SIDANG REDAKSI	
<i>Senarai Sidang Redaksi</i>	43

HANDBOOK
AKTA AGENSI PEKERJAAN SWASTA 1981 [AKTA 246]
(Sila rujuk versi asal dalam Bahasa Inggeris jika ada percanggahan)

KANDUNGAN AKTA	PENERANGAN
Preamble	
Suatu Akta untuk mengawal agensi pekerjaan swasta di Malaysia.	<ul style="list-style-type: none"> ● Perundangan berkaitan: <ul style="list-style-type: none"> i. kawal selia aktiviti dan pelesenan agensi pekerjaan swasta; ii. menjaga hak serta kebajikan pencari-pencari kerja; dan iii. perlindungan dan kawalan aktiviti merekrut melibatkan majikan, pencari kerja, pekerja bukan warganegara dan pekhidmat domestik asing.
Seksyen 1: Tajuk ringkas	
S.1 Akta ini bolehlah dinamakan Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981.	<ul style="list-style-type: none"> ● Akta ini dinamakan Agensi Pekerjaan Swasta 1981.
Seksyen 2: Pemakaian	
<p>S.2 (1) Akta ini hendaklah terpakai di seluruh Malaysia.</p> <p>S.2(2) Akta ini tidak terpakai bagi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Akta ini terpakai di seluruh Malaysia. ● Tidak terpakai bagi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. <p>Nota: Sekiranya terdapat mana-mana syarikat atau anak syarikat Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 dan menjalankan aktiviti merekrut, maka syarikat ini dikehendaki untuk mendapatkan lesen di bawah Akta APS.</p>
Seksyen 3: Tafsiran	
S.3 Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—	

<p>“agensi pekerjaan swasta” ertinya suatu pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] dan diberikan lesen di bawah Akta ini untuk menjalankan aktiviti merekrut;</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mana-mana pihak yang hendak memohon lesen APS mestilah syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 2016. • Syarikat sendirian berhad dan berhad yang didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan memiliki lesen APS yang dikeluarkan oleh JTK Semenanjung Malaysia atau JTK Sabah atau JTK Sarawak bagi menjalankan aktiviti merekrut. • Syarikat yang menjalankan aktiviti dan ingin mendapatkan lesen APS hendaklah mendaftarkan nama syarikat yang didahului dengan nama “Agensi Pekerjaan”. Contohnya Agensi Pekerjaan Cari Kerja Sdn Bhd. 																												
<p>“ditetapkan” ertinya ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;</p>																													
<p>“fi” ertinya fi yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Jadual Pertama: Jenis dan jumlah fi yang dikenakan. <table border="1" data-bbox="772 1025 1474 2027"> <thead> <tr> <th data-bbox="772 1025 1230 1084">Jenis Fi</th> <th data-bbox="1230 1025 1474 1084">Jumlah Fi</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="772 1084 1230 1178">(1) Bagi penubuhan agensi pekerjaan swasta.</td> <td data-bbox="1230 1084 1474 1178"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="772 1178 1230 1236">(a) Fi Lesen</td> <td data-bbox="1230 1178 1474 1236">RM500</td> </tr> <tr> <td data-bbox="772 1236 1230 1675">(b) Fi Proses</td> <td data-bbox="1230 1236 1474 1675"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="772 1308 1230 1344">(i) Permohonan lesen</td> <td data-bbox="1230 1308 1474 1344">RM300</td> </tr> <tr> <td data-bbox="772 1344 1230 1379">(ii) Pembaharuan lesen</td> <td data-bbox="1230 1344 1474 1379">RM100</td> </tr> <tr> <td data-bbox="772 1379 1230 1415">(iii) Permohonan lesen cawangan</td> <td data-bbox="1230 1379 1474 1415">RM100</td> </tr> <tr> <td data-bbox="772 1415 1230 1451">(iv) Penggantian lesen</td> <td data-bbox="1230 1415 1474 1451">RM100</td> </tr> <tr> <td data-bbox="772 1451 1230 1532">(v) Permohonan menukar kategori lesen</td> <td data-bbox="1230 1451 1474 1532">RM100</td> </tr> <tr> <td data-bbox="772 1532 1230 1568">(vi) Dokumen pengenalan diri</td> <td data-bbox="1230 1532 1474 1568">RM50</td> </tr> <tr> <td data-bbox="772 1568 1230 1648">(vii)Penggantian dokumen pengenalan diri</td> <td data-bbox="1230 1568 1474 1648">RM50</td> </tr> <tr> <td data-bbox="772 1675 1230 1805">(2) Fi yang dikenakan ke atas pencari kerja atau pekerja bukan warganegara</td> <td data-bbox="1230 1675 1474 1805"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="772 1805 1230 2027">(a) Fi Pendaftaran</td> <td data-bbox="1230 1805 1474 2027"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="772 1872 1230 2027">(i) Fi yang dikenakan untuk pendaftaran bagi semua kategori pekerjaan dalam Malaysia kepada pencari</td> <td data-bbox="1230 1872 1474 2027">RM30 dan ke bawah</td> </tr> </tbody> </table>	Jenis Fi	Jumlah Fi	(1) Bagi penubuhan agensi pekerjaan swasta.		(a) Fi Lesen	RM500	(b) Fi Proses		(i) Permohonan lesen	RM300	(ii) Pembaharuan lesen	RM100	(iii) Permohonan lesen cawangan	RM100	(iv) Penggantian lesen	RM100	(v) Permohonan menukar kategori lesen	RM100	(vi) Dokumen pengenalan diri	RM50	(vii)Penggantian dokumen pengenalan diri	RM50	(2) Fi yang dikenakan ke atas pencari kerja atau pekerja bukan warganegara		(a) Fi Pendaftaran		(i) Fi yang dikenakan untuk pendaftaran bagi semua kategori pekerjaan dalam Malaysia kepada pencari	RM30 dan ke bawah
Jenis Fi	Jumlah Fi																												
(1) Bagi penubuhan agensi pekerjaan swasta.																													
(a) Fi Lesen	RM500																												
(b) Fi Proses																													
(i) Permohonan lesen	RM300																												
(ii) Pembaharuan lesen	RM100																												
(iii) Permohonan lesen cawangan	RM100																												
(iv) Penggantian lesen	RM100																												
(v) Permohonan menukar kategori lesen	RM100																												
(vi) Dokumen pengenalan diri	RM50																												
(vii)Penggantian dokumen pengenalan diri	RM50																												
(2) Fi yang dikenakan ke atas pencari kerja atau pekerja bukan warganegara																													
(a) Fi Pendaftaran																													
(i) Fi yang dikenakan untuk pendaftaran bagi semua kategori pekerjaan dalam Malaysia kepada pencari	RM30 dan ke bawah																												

	<p>kerja, pendaftaran itu adalah sah bagi semua kategori pekerjaan bagi tempoh selama dua belas bulan.</p> <p>(ii) Fi yang boleh dikenakan untuk pendaftaran semua kategori pekerjaan di luar Malaysia kepada pencari kerja, pendaftaran itu adalah sah bagi semua kategori pekerjaan bagi tempoh selama enam bulan.</p>	<p>RM50 dan ke bawah</p>
	<p>(b) Fi Penempatan</p> <p>(i) Pencari kerja yang bekerja di dalam Malaysia</p> <p>(ii) Pencari kerja yang bekerja di luar Malaysia</p> <p>(iii) Pekerja bukan warganegara yang bekerja di dalam Malaysia</p>	<p>Tidak lebih daripada 25% gaji pokok bulanan pertama pekerja</p> <p>Tidak lebih daripada 25% gaji pokok bulanan pertama pekerja</p> <p>Tidak lebih daripada satu bulan gaji pokok bulan pertama pekerja</p>
<p>“iklan” hendaklah termasuk apa-apa pemberitahu, pekeliling, risalah, pelawaan atau maklumat yang telah disebar, disiarkan atau dipamerkan berhubung dengan aktiviti merekrut dengan apa-apa cara atau bentuk termasuk komunikasi lisan atau bertulis dengan cara media cetak, elektronik atau apa-apa media lain;</p>	<p>Seksyen Berkaitan</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Seksyen 8, 9A, 11, 13A, 13D, 13E, 13F, 14, 14A, 14B, 28 ● Sebarang bentuk hebahan lisan atau bertulis berkaitan aktiviti merekrut. ● Jenis media: <ul style="list-style-type: none"> - media konvensional: surat khabar, gegantung (<i>bunting</i>), poster, papan tanda, pelekat (<i>sticker</i>), kain rentang (<i>banner</i>), risalah (<i>flyers</i>), dan kad; - media elektronik: laman sesawang; dan - media sosial: <i>blog, Facebook, LinkedIn, Twitter, Instagram, YouTube, Flickr, Kaskus dan Quora.</i> 	

<p>“Ketua Pengarah” ertinya –</p> <p>(a) berkenaan dengan Semenanjung Malaysia, Ketua Pengarah Tenaga Kerja yang dilantik di bawah subseksyen 3(1) Akta Kerja 1955 [<i>Akta 265</i>];</p> <p>(b) berkenaan dengan Sabah, Pengarah Tenaga Kerja yang dilantik di bawah subseksyen 3(1) Ordinan Buruh [<i>Sabah Bab 67</i>]; atau</p> <p>(c) berkenaan dengan Sarawak, Pengarah Tenaga Kerja yang dilantik di bawah subseksyen 3(1) Ordinan Buruh [<i>Sarawak Bab 76</i>];</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM). ● Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Sabah. ● Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Sarawak.
<p>“lesen” ertinya suatu lesen yang diberikan di bawah seksyen 9A;</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Lesen APS yang dikeluarkan oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK) mengikut syarat yang ditetapkan.
<p>“majikan” ertinya mana-mana orang yang mendapatkan perkhidmatan agensi pekerjaan swasta bagi maksud untuk merekrut seseorang pekerja bagi dirinya;</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Semua jenis majikan (individu, milikan tunggal, perkongsian atau syarikat) yang menggunakan perkhidmatan APS bagi menggajikan pekerja. ● Majikan sebagai pelanggan yang menggunakan perkhidmatan APS bagi mendapatkan pekerja, hendaklah menggaji orang yang direkrut itu sebagai pekerjanya. Majikan ini tidak boleh membekalkan pekerja yang direkrut melalui APS kepada majikan lain.
<p>“Menteri” ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi sumber manusia;</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Menteri Sumber Manusia.
<p>“merekrut” ertinya aktiviti yang dijalankan oleh mana-mana orang, termasuk aktiviti pengiklanan, sebagai pengantara antara majikan dan pencari kerja untuk –</p> <p>(a) menawarkan untuk mencari pekerjaan, menawarkan suatu pekerjaan atau mendapatkan pekerjaan, bagi seseorang pencari kerja; atau</p> <p>(b) menawarkan untuk mencari pekerja, menawarkan pekerja atau mendapatkan pekerja, bagi seseorang majikan;</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Merekrut bermaksud aktiviti pihak ketiga yang menjalankan urusan sebagai pengantara antara pencari kerja dan majikan bagi tujuan untuk mendapatkan pekerjaan atau pekerja kepada majikan. <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Syarikat ABC telah menempatkan Ali sebagai juruteknik di Syarikat XYZ. Didapati kontrak perkhidmatan dan pembayaran gaji adalah di antara Ali dan Syarikat XYZ. Syarikat ABC menjalankan aktiviti merekrut dan bertindak sebagai pengantara di antara syarikat XYZ dan Ali. Aktiviti syarikat ABC ini perlu mendapat lesen daripada pihak JTK. - Syarikat DEF telah menempatkan Abu sebagai pencuci di Syarikat MLM. Kontrak perkhidmatan dan bayaran gaji dibuat oleh syarikat DEF kepada Abu.

	<p>Aktiviti syarikat DEF ini tidak perlu mendapatkan lesen APS daripada pihak JTK kerana aktiviti merekrut dilakukan oleh majikan sendiri.</p> <p>Nota: Frasa “mana-mana orang” bertujuan merangkumi aktiviti merekrut yang dijalankan oleh orang persendirian atau pertubuhan lain yang tidak mempunyai lesen APS bagi memudahkan pemantauan aktiviti penguatkuasaan.</p>
<p>“pegawai tenaga kerja” ertinya pegawai yang dilantik di bawah subseksyen 3(2) Akta Kerja 1955, subseksyen 3(1A) Ordinan Buruh, [<i>Sabah Bab 67</i>] atau subseksyen 3(1A) Ordinan Buruh, [<i>Sarawak Bab 76</i>], mengikut mana-mana yang berkenaan;</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Pegawai Tenaga Kerja yang dilantik di bawah: <ul style="list-style-type: none"> i. Akta Kerja 1955; ii. Ordinan Buruh (<i>Sabah Bab 67</i>); atau iii. Ordinan Buruh (<i>Sarawak Bab 76</i>).
<p>“pencari kerja” ertinya seseorang yang berdaftar dengan suatu agensi pekerjaan swasta bagi maksud mencari pekerjaan atau ditawarkan suatu pekerjaan atau menerima tawaran suatu pekerjaan, tetapi tidak termasuk bukan warganegara;</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Seorang warganegara yang berdaftar dengan APS untuk: <ul style="list-style-type: none"> i. mencari kerja; ii. ditawarkan pekerjaan; atau iii. menerima tawaran pekerjaan. <p>Nota: Pencari kerja tidak merangkumi bukan warganegara atas dasar bahawa Kerajaan mengutamakan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Walau bagaimanapun, aktiviti merekrut pekerja bukan warganegara tetap diliputi bagi memantau aktiviti APS yang menempatkan pekerja bukan warganegara dan pekhidmat domestik asing.</p>
<p>“wang jaminan” ertinya suatu jaminan dalam bentuk wang tunai atau jaminan kewangan yang dikeluarkan oleh suatu bank berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [<i>Akta 758</i>] atau bank Islam berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [<i>Akta 759</i>] tetapi tidak termasuk bank Islam antarabangsa berlesen, yang didepositkan menurut seksyen 14c.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Wang jaminan ialah jaminan kewangan yang dikeluarkan dalam bentuk tunai atau jaminan bank (<i>bank guarantee</i>). ● Tujuan wang jaminan adalah untuk melindungi pencari kerja, pekerja bukan warganegara dan majikan yang menggunakan perkhidmatan APS. ● Setelah diberi kelulusan lesen, APS wajib menandatangani wang jaminan berdasarkan jumlah yang ditetapkan mengikut kategori lesen: <ul style="list-style-type: none"> i. RM5,000.00: Lesen A - Merekrut pencari kerja tempatan dalam negara. ii. RM100,000.00: Lesen B - Merekrut pencari kerja tempatan dalam dan luar negara dan pekerja domestik asing dalam negara.

	<p>iii. RM250,000.00: Lesen C</p> <ul style="list-style-type: none"> - Merekrut pencari kerja tempatan dalam dan luar negara, dan pekerja bukan warganegara dalam negara termasuk pekhidmat domestik asing. <p>Seksyen Berkaitan</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Seksyen 14C Akta 246 ● Jadual Kedua Akta 246
--	---

Seksyen 4: Fungsi dan kuasa Ketua Pengarah

<p>S.4(1) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai fungsi berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) untuk mentadbir dan mengawal selia semua perkara yang berhubungan dengan perlesenan bagi agensi pekerjaan swasta; (b) untuk mengawal selia semua perkara yang berhubungan dengan aktiviti merekrut yang dijalankan oleh agensi pekerjaan swasta termasuk mengeluarkan arahan bertulis; (c) untuk mengutip, menerima, mengguna atau merampas wang jaminan yang didepositkan oleh agensi pekerjaan swasta; (d) untuk mengarahkan agensi pekerjaan swasta untuk mengemukakan apa-apa maklumat dan dokumen yang berhubungan dengan agensi pekerjaan swasta dan aktiviti; (e) untuk menghendaki agensi pekerjaan swasta mengemukakan apa-apa maklumat untuk membantu Ketua Pengarah bagi pelaksanaan fungsinya; dan (f) untuk melakukan apa-apa perkara bersampingan dengan apa-apa fungsinya di bawah Akta ini. 	<ul style="list-style-type: none"> ● Kuasa Ketua Pengarah: <ul style="list-style-type: none"> i. memantau dan mengawal selia semua perkara berkaitan dengan urusan pelesenan APS; ii. memantau, mengawal selia dan mengeluarkan arahan bertulis semua perkara berkaitan aktiviti merekrut yang dijalankan oleh APS; iii. menerima dan mengguna wang jaminan yang didepositkan oleh APS; iv. mengarahkan APS untuk mengemukakan semua maklumat dan dokumen berkaitan aktiviti mereka atau apa jua yang diperlukan tertakluk kepada Akta ini; v. mengarahkan APS mengemukakan maklumat yang diminta oleh pegawai JTK; dan vi. melaksanakan fungsi di bawah Akta ini.
--	--

<p>S.4(2) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan semua perkara yang perlu atau suai manfaat bagi atau yang berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk melakukan semua perkara yang bersesuaian sebagaimana di bawah Akta.
---	--

Seksyen 4A: Perwakilan fungsi dan kuasa Ketua Pengarah

S.4A(1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan apa-apa had sebagaimana ditetapkan oleh Menteri, pegawai tenaga kerja boleh menjalankan semua fungsi dan kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah di bawah Akta ini dan tiap-tiap fungsi dan kuasa yang dijalankan hendaklah disifatkan telah dijalankan bagi maksud Akta ini.	<ul style="list-style-type: none">• Tertakluk kepada subseksyen (2) seperti yang telah ditetapkan oleh Menteri, semua pegawai tenaga kerja yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah boleh melaksana atau menguatkuasakan Akta ini.
S.4A(2) Pegawai tenaga kerja tidak boleh menjalankan apa-apa fungsi dan kuasa Ketua Pengarah di bawah Akta ini melainkan jika dia memegang kad kuasa yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah untuk memberinya kuasa untuk menjalankan fungsi dan kuasa itu.	<ul style="list-style-type: none">• Pegawai tenaga kerja yang menguatkuasa Akta ini perlu mempunyai kad kuasa yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah.

Seksyen 5: (Dipotong oleh Akta A1554).

Seksyen 6: Perlindungan terhadap tindakan guaman dan prosiding undang-undang

S.6 Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau apa-apa prosiding lain boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap Kerajaan, Menteri, Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai tenaga kerja berkenaan dengan apa-apa perbuatan, kecuaiian atau keingkaran yang dilakukan atau ditinggalkan olehnya dengan suci hati, atas sifat demikian.	<ul style="list-style-type: none">• Tindakan pendakwaan atau apa jua tindakan mahkamah tidak boleh dibuat terhadap Kerajaan, Menteri, Ketua Pengarah atau pegawai tenaga kerja yang melaksanakan akta ini dengan suci hati (<i>good faith</i>).
---	---

Seksyen 7: Kehendak bagi lesen

S.7(1) Tiada seorang pun boleh menjalankan aktiviti merekrut melainkan jika dia telah diberikan suatu lesen di bawah Akta ini.	<ul style="list-style-type: none">• Sesiapa yang melakukan aktiviti merekrut wajib mempunyai lesen yang sah dan kegagalan berbuat demikian adalah satu kesalahan.
S.7(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.	<ul style="list-style-type: none">• Denda bagi kesalahan di bawah Seksyen 7(2) adalah tidak melebihi RM200,000.00 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya. <p>Nota: Bagi tujuan pendakwaan, intipati yang perlu dibuktikan adalah:</p> <ul style="list-style-type: none">- menjalankan aktiviti merekrut;

	<ul style="list-style-type: none"> - tiada lesen APS; - sebagai pengantara antara majikan dan pencari kerja; - menawarkan untuk mencari pekerjaan, menawarkan pekerjaan atau mendapatkan pekerjaan bagi pencari kerja; dan - menawarkan mencari pekerja, menawarkan pekerja dan atau mendapatkan pekerja bagi majikan. <p>Rujukan Kes</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Agensi Pekerjaan Sumber Orang Sdn. Bhd. (MA-62-31-03/2019) *Mahkamah Majistret Melaka - kes didakwa dan disabitkan di bawah Seksyen 7(2) dan mahkamah menetapkan jumlah denda RM30,000.00.
--	--

Seksyen 8: Permohonan bagi suatu lesen

<p>S.8(1) Pemohon bagi lesen di bawah Akta ini hendaklah mengemukakan permohonan yang dibuat mengikut kategori lesen sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua kepada Ketua Pengarah dalam apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Permohonan lesen APS hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja mengikut kategori lesen yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.
<p>S.8(2) Permohonan itu hendaklah berserta dengan fi proses sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.</p> <p>S.8(3) Apabila menerima permohonan di bawah subseksyen (1), Ketua Pengarah boleh menghendaki pemohon untuk memberikan butir-butir, maklumat atau dokumen lanjut yang difikirkannya perlu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Permohonan adalah berdasarkan prosedur yang ditentukan dan disertakan dengan fi proses yang dinyatakan dalam Jadual Pertama. ● Modal berbayar dan wang jaminan mengikut kategori lesen:

	Kategori lesen (1)	Modal berbayar (2)	Wang jaminan (3)	Wang jaminan untuk menubuhkan cawangan baru (4)
	Lesen A— Untuk penempatan pekerjaan bagi pencari kerja di dalam Malaysia	RM50,000	RM5,000	RM5,000
	Lesen B— Untuk penempatan pekerjaan bagi pencari kerja di dalam dan di luar Malaysia, dan pekhidmat domestik asing di dalam Malaysia	RM100,000	RM100,000	RM30,000
	Lesen C— Untuk penempatan pekerjaan bagi pencari kerja di dalam dan di luar Malaysia, dan pekerja bukan warganegara di dalam Malaysia.	RM250,000	RM250,000	RM100,000
<p>S.8(4) Jika apa-apa butir-butir, maklumat atau dokumen yang dikehendaki di bawah subseksyen (3) tidak diberikan oleh pemohon dalam tempoh yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, permohonan itu</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Sekiranya pemohon tidak memberi dokumen dan maklumat dalam tempoh yang ditetapkan, permohonan adalah dianggap telah ditarik balik dan 			

hendaklah disifatkan telah ditarik balik tanpa menjejaskan suatu permohonan baharu yang dibuat oleh pemohon.	APS boleh mengemukakan permohonan baharu pada bila-bila masa.
<p>S.8(5) Jika permohonan di bawah subseksyen (1) ditarik balik pada bila-bila masa sebelum permohonan diluluskan atau ditolak, fi proses yang dibayar di bawah subseksyen (2) tidak boleh dikembalikan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● APS boleh menarik balik permohonan lesen sebelum diluluskan atau ditolak. Walau bagaimanapun, fi proses yang telah dibayar tidak boleh dikembalikan. <p>Seksyen berkaitan</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Jadual Pertama Akta 246 - Seksyen 8, 9A, 11, 13A, 13D, 13E, 13F, 14, 14A, 14B, dan 28. ● Jadual Kedua Akta 246 - Seksyen 8, 9, 9A, 11, 13E, 13F, 14C, dan 14D.
Seksyen 9: Pematuhan syarat yang dikenakan bagi permohonan lesen	
<p>S.9(1) Ketua Pengarah boleh meluluskan suatu permohonan lesen yang dibuat menurut seksyen 8 jika pemohon mematuhi syarat yang berikut:</p> <p>(a) pemohon ialah sebuah badan korporat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016—</p> <p>(i) dengan modal berbayar minimum sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua; dan</p> <p>(ii) sekurang-kurangnya lima puluh satu peratus daripada jumlah keseluruhan syer syarikat itu dipegang oleh warganegara Malaysia;</p> <p>(b) pengarah syarikat, yang dinamakan dalam borang permohonan yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal agensi pekerjaan swasta—</p> <p>(i) ialah seorang warganegara Malaysia;</p> <p>(ii) bukanlah seorang bankrap yang belum dilepaskan; dan</p> <p>(iii) tidak disabitkan atas apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubung dengan antipemerdagangan orang dan buruh paksa;</p> <p>(c) pemohon mempunyai premis yang sesuai untuk menjalankan aktiviti merekrut</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Syarat bagi permohonan lesen: <ul style="list-style-type: none"> i. Sebuah syarikat berdaftar dengan SSM: <ul style="list-style-type: none"> a. modal berbayar minimum RM50,000.00 bagi lesen A atau RM100,000.00 bagi lesen B atau RM250,000.00 bagi lesen C; dan b. sekurang-kurangnya 51% syer milik warganegara Malaysia. <p>Nota: Orang perseorangan atau perkongsian tidak layak memohon lesen APS. Ini bagi memastikan hanya pemohon syarikat yang mempunyai kewangan yang kukuh sahaja yang dilesenkan sebagai APS dan majoriti syer dimiliki oleh warganegara Malaysia.</p> ii. Pengarah syarikat yang bertanggungjawab hendaklah: <ul style="list-style-type: none"> a. warganegara Malaysia; b. tidak bankrap; dan c. tidak disabitkan bawah Akta ATIPSOM 2007. <p>Nota: Ini bertujuan memastikan pemohon mestilah mempunyai kredibiliti yang tinggi dan tidak terlibat dalam sebarang aktiviti pemerdagangan orang dan buruh paksa kerana aktiviti merekrut seringkali dikaitkan dengan perkara berkenaan khususnya yang melibatkan pekerja asing.</p> iii. Mempunyai premis yang bersesuaian; dan

<p>sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah; dan</p> <p>(d) pemohon hendaklah mempunyai nama syarikat yang didahului dengan perkataan “Agensi Pekerjaan”.</p> <p>S.9(2) Walau apa pun subseksyen (1), Ketua Pengarah boleh mengenakan apa-apa syarat lain sebagaimana yang difikirkannya perlu.</p>	<p>iv. Menggunakan perkataan “Agensi Pekerjaan” dalam Bahasa Kebangsaan di hadapan nama syarikat. Nota: Tujuan meletakkan nama “Agensi Pekerjaan” adalah untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> - menjelaskan fungsi APS; - hanya APS yang berdaftar dibawah Akta 246 sahaja dibenarkan melakukan aktiviti merekrut; - menarik perhatian segera pencari kerja; dan - memudahkan dan memberi keselesaan kepada pencari kerja/majikan untuk berurusan dengan APS. <p>Nota: Borang permohonan dan senarai semak boleh dimuat turun di laman sesawang JTKSM.</p>
---	---

Seksyen 9A: Pemberian atau penolakan pemberian lesen

<p>S.9A(1) Apabila menerima dan setelah mempertimbangkan permohonan bagi lesen di bawah seksyen 8, Ketua Pengarah boleh memberikan lesen atau menolak pemberian lesen.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Setelah menerima permohonan, Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk memberi atau menolak pemberian lesen.
<p>S.9A(2) Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan notis bertulis kepada pemohon mengenai keputusannya sama ada untuk memberikan lesen atau menolak pemberian lesen di bawah subseksyen (1).</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Pemberitahuan keputusan penolakan permohonan lesen APS hendaklah dibuat melalui notis bertulis.
<p>S.9A(3) Jika permohonan di bawah subseksyen (1) diluluskan, pemohon hendaklah, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh notis di bawah subseksyen (2), membayar fi lesen yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan menandatangani wang jaminan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua bagi maksud pemberian lesen itu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● APS hendaklah membayar fi lesen dan wang jaminan dalam tempoh yang ditetapkan. <p>Seksyen berkaitan</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Jadual Pertama Akta 246 ● Jadual Kedua Akta 246
<p>S.9A(4) Jika pemohon tidak membayar fi lesen dan wang jaminan dalam tempoh tiga puluh hari sebagaimana yang dinyatakan di bawah subseksyen (3), Ketua Pengarah boleh menolak pemberian lesen tanpa menjejaskan permohonan baharu yang dibuat oleh pemohon.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Ketua Pengarah boleh menolak permohonan jika APS gagal membayar fi lesen dan wang jaminan dalam tempoh yang ditetapkan. ● APS boleh mengemukakan permohonan baharu pada bila-bila masa walaupun permohonan sebelum ini telah ditolak kerana gagal mematuhi Seksyen 9A(3).

Seksyen 9B: Kuasa untuk mengenakan syarat

S.9B Tertakluk kepada Akta ini, Ketua Pengarah boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya perlu apabila suatu lesen diberikan di bawah seksyen 9A dan boleh meminda syarat-syarat yang dikenakan.	<ul style="list-style-type: none">● Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk mengenakan atau meminda syarat pemberian lesen. <p>Nota: Arahan Ketua Pengarah Tenaga Kerja Berhubung Prosedur Pelesenan Di Bawah Seksyen 23 Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 Bil 2/2018.</p>
---	---

Seksyen 10: Tempoh lesen

S.10 Tiap-tiap lesen yang diberikan di bawah seksyen 9A atau diperbaharui di bawah perenggan 11(2)(a), melainkan jika lesen itu digantung atau dibatalkan, hendaklah sah bagi tempoh dua puluh empat bulan dari tarikh— (a) pemberian lesen itu; atau (b) pembaharuan lesen itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.	<ul style="list-style-type: none">● Tempoh sah lesen adalah 24 bulan dari tarikh pemberian lesen atau pembaharuan lesen melainkan jika lesen itu digantung atau dibatalkan.● Status lesen APS yang digantung atau batal adalah sama seperti tiada lesen. <p>Nota: Sebelum pindaan Akta pada tahun 2018 tempoh sah lesen ialah 12 bulan. Pindaan tempoh sah lesen kepada 24 bulan membolehkan APS tidak perlu memperbaharui lesen setiap tahun.</p> <p>Seksyen berkaitan</p> <ul style="list-style-type: none">● Seksyen 9A● Seksyen 11(2)(a)
--	---

Seksyen 11: Membaharui lesen

S.11(1) Permohonan untuk membaharui lesen hendaklah dikemukakan oleh pemohon kepada Ketua Pengarah berserta dengan fi proses sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama sekurang-kurangnya enam puluh hari sebelum habis tempoh lesen dan hendaklah mengikut bentuk dan cara berserta dengan apa-apa dokumen dan maklumat sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.	<ul style="list-style-type: none">● Permohonan pembaharuan lesen APS hendaklah dibuat:<ol style="list-style-type: none">i. sekurangnya-kurangnya 60 hari sebelum tarikh tamat tempoh lesen;ii. berserta dengan fi proses RM100.00; daniii. dokumen mengikut senarai semak yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.
S.11(2) Ketua Pengarah boleh, selepas memberi pertimbangan kepada permohonan bagi pembaharuan lesen di bawah subseksyen (1)—	<ul style="list-style-type: none">● Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk:<ol style="list-style-type: none">i. membaharui; atauii. menolak pembaharuan lesen.

<p>(a) membaharui lesen itu, dengan atau tanpa syarat; atau</p> <p>(b) menolak untuk membaharui lesen itu.</p>	
<p>S.11(3) Jika Ketua Pengarah membaharui lesen itu, dia hendaklah memberitahu keputusannya itu kepada pemohon melalui notis bertulis dan pemohon hendaklah, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh notis, membayar fi lesen sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan mendepositkan wang jaminan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Selepas mendapat kelulusan, APS perlu membayar fi lesen RM500.00 dan deposit wang jaminan sebanyak RM5,000.00 bagi lesen A atau RM100,000.00 bagi lesen B atau RM250,000.00 bagi lesen C dalam tempoh 30 hari dari tarikh notifikasi keputusan.
<p>S.11(4) Ketua Pengarah hendaklah menolak permohonan membaharui lesen jika—</p> <p>(a) permohonan dibuat selepas habis tempoh lesen itu;</p> <p>(b) permohonan tidak dibuat mengikut subseksyen (1);</p> <p>(c) pemohon tidak memulihkan pelanggaran atau mengambil tindakan pembetulan dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah menurut subseksyen 11A(6); atau</p> <p>(d) pemohon gagal mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Ketua Pengarah hendaklah menolak jika permohonan: <ul style="list-style-type: none"> i. dibuat selepas tarikh tamat lesen; ii. tidak mematuhi prosedur pembaharuan lesen; iii. gagal membuat pembetulan terhadap arahan Ketua Pengarah seperti subseksyen 11A(6) Akta; atau iv. gagal mematuhi mana-mana peruntukan Akta atau peraturan di bawah Akta ini.
<p>S.11(5) Jika pembaharuan lesen ditolak di bawah perenggan (2)(b), Ketua Pengarah hendaklah memberitahu pemohon mengenai keputusannya melalui notis bertulis.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Pemberitahuan keputusan penolakan permohonan pembaharuan lesen APS hendaklah dibuat melalui notis bertulis.
<p>S.11(6) Permohonan di bawah subseksyen (1) boleh ditarik balik pada bila-bila masa sebelum permohonan diluluskan atau ditolak tetapi fi yang dibayar di bawah subseksyen (1) tidak boleh dikembalikan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● APS boleh menarik balik permohonan lesen sebelum diluluskan atau ditolak. Walau bagaimanapun, fi proses yang telah dibayar tidak boleh dikembalikan.
<p>S.11(7) Ketua Pengarah boleh mempertimbangkan apa-apa permohonan untuk membaharui lesen yang diterima selepas tempoh yang dinyatakan di bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Ketua Pengarah boleh membaharui lesen walaupun permohonan pembaharuan diterima kurang dari 60 hari tetapi sebelum tamat tempoh lesen.

<p>subseksyen (1) tetapi sebelum habis tempoh lesen itu.</p>	
<p>S.11(8) Jika Ketua Pengarah membaharui lesen itu di bawah subseksyen (7), fi proses sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama boleh dikenakan dua kali ganda bagi maksud pembaharuan lesen itu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Fi proses dua kali ganda boleh dikenakan terhadap APS jika Ketua Pengarah membaharui permohonan yang dikemukakan kurang dari 60 hari seperti di bawah subseksyen (7) Akta. <p>Seksyen Berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Jadual Pertama Akta 246
<p>Seksyen 11A: Penggantungan atau pembatalan lesen</p>	
<p>S.11A(1) Ketua Pengarah boleh, melalui notis bertulis kepada agensi pekerjaan swasta dan tanpa apa-apa pampasan, menggantung atau membatalkan suatu lesen yang diberikan di bawah Akta ini jika dia berpuas hati bahawa agensi pekerjaan swasta itu—</p> <p>(a) telah melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;</p> <p>(b) tidak mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan oleh Ketua Pengarah;</p> <p>(c) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini atau pengarah agensi pekerjaan swasta itu telah ditahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubung dengan antipemerdagangan orang dan buruh paksa;</p> <p>(d) telah digulungkan atau selainya dibubarkan;</p> <p>(e) tidak mematuhi apa-apa arahan bertulis yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah di bawah Akta ini;</p> <p>(f) telah mendorong pengeluaran lesen dengan representasi palsu tentang fakta;</p> <p>(g) telah menggunakan lesen yang diberikan di bawah Akta ini bagi maksud yang menyalahi undang-undang; atau</p> <p>(h) telah terhenti menjalankan aktiviti merekrut.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Kuasa untuk menggantung atau membatalkan lesen oleh Ketua Pengarah jika APS: <ul style="list-style-type: none"> i. melanggar mana-mana peruntukan Akta atau peraturan; ii. ingkar syarat yang dikenakan oleh Ketua Pengarah; iii. disabitkan kesalahan di bawah Akta 246 atau Pengarah APS ditahan di bawah Akta ATIPSOM 2007; iv. penggulungan atau pembubaran syarikat; v. ingkar sebarang arahan bertulis Ketua Pengarah di bawah Akta 246; vi. memberi maklumat palsu bagi mendapatkan lesen; vii. menyalahgunakan lesen untuk kegiatan jenayah; atau viii. tidak lagi menjalankan aktiviti merekrut.

<p>S.11A(2) Ketua Pengarah tidak boleh menggantung atau membatalkan suatu lesen melainkan jika dia berpuas hati, selepas memberikan agensi pekerjaan swasta suatu peluang untuk membuat apa-apa representasi secara bertulis tentang kenapa lesen itu tidak boleh digantung atau dibatalkan dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu, lesen itu hendaklah digantung atau dibatalkan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Sebelum penggantung atau pembatalan lesen, Ketua Pengarah hendaklah memberi peluang kepada APS untuk mengemukakan penjelasan secara bertulis (representasi) sebab lesen APS tidak boleh digantung atau dibatalkan dalam tempoh yang ditetapkan.
<p>S.11A(3) Selepas habis tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu dan selepas mempertimbangkan representasi yang dibuat di bawah subseksyen (2), Ketua Pengarah hendaklah memutuskan sama ada atau tidak untuk menggantung atau membatalkan lesen itu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Selepas Ketua Pengarah berpuashati dengan alasan yang dikemukakan oleh APS, Ketua Pengarah boleh membuat keputusan sama ada tindakan pembatalan atau penggantung perlu dilaksanakan.
<p>S.11A(4) Ketua Pengarah hendaklah memberitahu agensi pekerjaan swasta mengenai keputusan di bawah subseksyen (3) melalui notis bertulis.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● APS hendaklah dimaklumkan secara bertulis mengenai keputusan Ketua Pengarah tersebut.
<p>S.11A(5) Agensi pekerjaan swasta hendaklah selepas menerima notis bertulis mengenai penggantung atau pembatalan di bawah subseksyen (4)—</p> <p>(a) mengiklankan notis pemberhentian operasi itu sekurang-kurangnya dalam satu surat khabar bahasa kebangsaan yang mempunyai edaran seluruh negara;</p> <p>(b) mempamerkan notis pemberhentian operasi itu di ruang yang mudah dilihat di premis agensi pekerjaan swasta berkenaan; dan</p> <p>(c) menyiarkan dalam laman sesawang agensi pekerjaan swasta berkenaan secara berterusan tentang pemberhentian operasi, jika ada.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Jika keputusan tersebut adalah gantung atau batal, APS hendaklah memaklumkan pemberhentian operasi sama ada secara sementara atau kekal seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. mengiklankan dalam sekurang-kurangnya 1 surat khabar terkemuka berbahasa kebangsaan; ii. mempamerkan notis pemberhentian operasi di ruang yang mudah dilihat di premis APS; dan iii. menyiarkan dalam laman sesawang APS (jika ada).
<p>S.11A(6) Jika lesen telah digantung di bawah subseksyen (3), Ketua Pengarah boleh menghendaki agensi pekerjaan swasta untuk memulihkan pelanggaran atau mengambil tindakan pembetulan dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Jika lesen digantung, Ketua Pengarah boleh mengarahkan pemulihan pelanggaran atau tindakan pembetulan dilaksanakan oleh APS dalam tempoh yang ditetapkan.

<p>S.11A(7) Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa agensi pekerjaan swasta telah gagal memulihkan pelanggaran atau mengambil tindakan pembetulan sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (6), Ketua Pengarah hendaklah membatalkan lesen agensi pekerjaan swasta itu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Ketua Pengarah boleh membatalkan lesen APS yang gagal membuat pemulihan pelanggaran atau tindakan pembetulan di bawah subseksyen (6) Akta.
<p>S.11A(8) Agensi pekerjaan swasta boleh, dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh penerimaan notis pembatalan daripada Ketua Pengarah, merayu kepada Menteri.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Rayuan kepada Menteri dalam tempoh 21 hari dari tarikh penerimaan notis pembatalan.
<p>S.11A(9) Jika suatu lesen—</p> <p>(a) telah dibatalkan, lesen itu tidak mempunyai kuat kuasa dari tarikh pembatalan lesen dan agensi pekerjaan swasta hendaklah dalam tempoh empat belas hari dari tarikh pembatalan lesen itu, menyerahkan lesen itu kepada Ketua Pengarah; atau</p> <p>(b) telah digantung, lesen itu tidak mempunyai kuat kuasa semasa tempoh penggantungan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Jika lesen: <ul style="list-style-type: none"> i. dibatalkan <ul style="list-style-type: none"> – lesen sedia ada tidak sah untuk menjalankan operasi; dan – APS perlu menyerahkan lesen dalam tempoh 14 hari kepada Ketua Pengarah. ii. digantung <ul style="list-style-type: none"> - lesen tidak mempunyai kuat kuasa semasa tempoh penggantungan.
<p>Seksyen 12: Tempat perniagaan hendaklah seperti yang disebutkan dalam lesen</p>	
<p>S.12 Agensi pekerjaan swasta yang berlesen hendaklah menjalankan perniagaannya di suatu tempat seperti disebutkan dalam lesen itu dan tidak boleh menukar tempat perniagaannya tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Tempat menjalankan perniagaan hendaklah sama seperti yang dinyatakan dalam lesen. ● Mana-mana APS yang hendak menukar tempat perniagaan atau berpindah perlu terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah. <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> - APS dibenarkan untuk menjalankan aktiviti merekrut bersifat sementara di tempat selain yang dinyatakan di dalam lesen tanpa perlu mendapat kebenaran bertulis Ketua Pengarah. Perkara ini adalah terpakai untuk Semenanjung Malaysia sahaja, manakala aktiviti APS yang dijalankan di Sabah dan Sarawak tertakluk kepada ketetapan negeri tersebut. - kebenaran pertukaran alamat ini turut melibatkan perubahan alamat pada <i>bank guarantee</i>.

Seksyen 13: Mempamerkan lesen	
<p>S.13(1) Agensi pekerjaan swasta yang berlesen hendaklah mempamerkan lesennya di suatu tempat yang mudah kelihatan dalam premis sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Lesen asal APS perlu dipamer atau digantung di ruangan yang mudah dilihat oleh orang awam di alamat yang dinyatakan dalam lesen.
<p>S.13(2) Mana-mana agensi pekerjaan swasta yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Denda bagi kesalahan di bawah Seksyen 13(1) adalah tidak melebihi RM50,000.00.
Seksyen 13A: Penggantian lesen	
<p>S.13A(1) Jika lesen bagi suatu agensi pekerjaan swasta hilang, musnah atau rosak, agensi pekerjaan swasta hendaklah memohon salinan lesen daripada Ketua Pengarah dalam bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • APS hendaklah memohon salinan lesen daripada Ketua Pengarah jika lesen: <ol style="list-style-type: none"> i. hilang; ii. musnah; atau iii. rosak.
<p>S.13A(2) Permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah disertakan dengan fi proses bagi penggantian lesen sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Permohonan penggantian lesen hendaklah disertakan dengan fi proses sebanyak RM100.00.
<p>S.13A(3) Mana-mana agensi pekerjaan swasta yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Denda bagi kesalahan di bawah Seksyen 13A(1) atau (2) Akta adalah tidak melebihi RM10,000.00 <p>Seksyen Berkaitan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jadual Pertama Akta 246.
Seksyen 13B: Penyerahhakan atau pemindahan lesen	
<p>S.13B(1) Suatu agensi pekerjaan swasta tidak boleh menyerahkan hak atau memindah lesen yang diberikan di bawah Akta ini kepada mana-mana orang melainkan dengan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Lesen tidak boleh dipinjam, dipindah milik atau diserahkan kepada orang lain kecuali dengan kelulusan Ketua Pengarah terlebih dahulu.

<p>S.13B(2) Mana-mana agensi pekerjaan swasta yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Denda bagi kesalahan di bawah Seksyen 13B (2) Akta adalah tidak melebihi RM100,000.00 atau penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya.
<p>Seksyen 13C: Sewaan atau pajakan lesen</p>	
<p>S.13C(1) Suatu agensi pekerjaan swasta tidak boleh menyewakan atau memajakkan lesen yang diberikan di bawah Akta ini kepada mana-mana orang.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • APS tidak boleh menyewakan atau memajakkan lesen kepada orang lain.
<p>S.13C(2) Mana-mana agensi pekerjaan swasta yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Denda bagi kesalahan di bawah Seksyen 13C (2) Akta adalah tidak melebihi RM100,000.00 atau penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya.
<p>Seksyen 13D: Dokumen pengenalan diri</p>	
<p>S.13D(1) Suatu agensi pekerjaan swasta yang telah diberikan lesen di bawah seksyen 9A hendaklah memohon kepada Ketua Pengarah, dalam apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, bagi dokumen pengenalan diri untuk pekerjaannya yang menjalankan aktiviti merekrut.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • APS hendaklah memohon dokumen pengenalan diri untuk pekerjaannya yang menjalankan aktiviti merekrut. • Dokumen pengenalan diri adalah untuk memudahkan kawalan terhadap pekerja lain yang tidak menjalankan aktiviti merekrut. • Permohonan dokumen pengenalan diri hendaklah disertakan dengan fi proses sebanyak RM50.00. <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kaedah permohonan: <ol style="list-style-type: none"> i. permohonan perlu dibuat mengikut ketetapan Ketua Pengarah; dan ii. permohonan dibuat oleh APS dan APS adalah bertanggungjawab terhadap permohonan tersebut.
<p>S.13D(2) Agensi pekerjaan swasta hendaklah memberikan dokumen pengenalan diri itu kepada pekerjaannya yang menjalankan aktiviti merekrut.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Dokumen pengenalan diri hendaklah diberikan oleh APS kepada setiap pekerjaannya yang menjalankan aktiviti merekrut (termasuk Pengarah syarikat).

<p>S.13D(3) Ketua Pengarah boleh mengenakan apa-apa syarat bagi maksud pemberian dokumen pengenalan diri kepada agensi pekerjaan swasta.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Ketua Pengarah boleh mengenakan apa-apa syarat bagi tujuan pemberian dokumen pengenalan diri kepada APS. <p>Nota: Rujuk senarai semak permohonan dokumen pengenalan diri.</p>
<p>S.13D(4) Mana-mana agensi pekerjaan swasta yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Denda bagi kesalahan di bawah Seksyen 13D(1) & (2) Akta adalah tidak melebihi RM10,000.00.
<p>S.13D(5) Mana-mana pekerja agensi pekerjaan swasta yang tidak mengemukakan dokumen pengenalan diri apabila dikehendaki semasa menjalankan aktiviti merekrut melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pekerja APS hendaklah menunjukkan dokumen pengenalan diri semasa menjalankan aktiviti merekrut. • Denda bagi kesalahan tidak mengemukakan dokumen pengenalan diri adalah tidak melebihi RM2,000.00.
<p>S.13D(6) Jika suatu dokumen pengenalan diri hilang, musnah atau rosak, agensi pekerjaan swasta hendaklah memohon satu salinan gantian dokumen pengenalan diri kepada Ketua Pengarah dan permohonan itu hendaklah disertakan dengan fi proses sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • APS perlu memohon salinan dokumen pengenalan diri jika: <ul style="list-style-type: none"> i) hilang; ii) musnah; atau iii) rosak. • Permohonan penggantian dokumen hendaklah disertakan dengan fi proses sebanyak RM50.00.
<p>S.13D(7) Mana-mana agensi pekerjaan swasta yang melanggar subseksyen (6), melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Denda bagi kesalahan dibawah kesalahan Seksyen 13D (6) adalah tidak melebihi RM10,000.00. <p>Seksyen Berkaitan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jadual Pertama Akta 246
<p>Seksyen 13E: Penubuhan cawangan</p>	
<p>S.13E(1) Suatu agensi pekerjaan swasta yang bercadang menubuhkan suatu cawangan hendaklah membuat permohonan kepada Ketua Pengarah untuk mendapatkan lesen untuk menjalankan aktiviti merekrut dalam cawangan itu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Penubuhan cawangan oleh APS hendaklah dibuat melalui permohonan lesen cawangan kepada Ketua Pengarah untuk menjalankan aktiviti merekrut dalam cawangan itu. <p>Nota: Tiada halangan untuk APS menubuhkan cawangan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.</p>

	<ul style="list-style-type: none"> ● Kriteria penubuhan cawangan: <ul style="list-style-type: none"> - Kategori lesen cawangan hendaklah sama atau tidak melebihi kategori lesen induk. <p>Contoh:</p> <table border="1" data-bbox="860 407 1460 770"> <thead> <tr> <th>KATEGORI LESEN INDUK</th> <th>KATEGORI CAWANGAN YANG BOLEH DIMOHON</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Lesen A</td> <td>APS cawangan hanya boleh memohon kategori Lesen A</td> </tr> <tr> <td>Lesen B</td> <td>APS cawangan hanya boleh memohon kategori Lesen B atau Lesen A</td> </tr> <tr> <td>Lesen C</td> <td>APS cawangan boleh memohon kategori Lesen A atau Lesen B atau Lesen C</td> </tr> </tbody> </table> <p>Nota: APS boleh membuka cawangan di mana-mana negeri termasuk Sabah dan Sarawak tertakluk kepada syarat-syarat yang sama ditetapkan seperti dalam Akta 246 dengan tambahan beberapa syarat seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sabah: APS perlu menyatakan hasrat untuk membuka cawangan di Sabah di dalam surat iringan kepada pejabat JTK Sabah untuk diproses. Semua pembayaran hendaklah dibuat atas nama Pengarah Tenaga Kerja Sabah. - Sarawak: Arahan Pengarah Tenaga Kerja Berhubung Prosedur Pelesenan Di Bawah Seksyen 23 Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Bagi Negeri Sarawak Sahaja) Bil.2/2018 mengkehendaki salah seorang Ahli Lembaga Pengarah adalah warga tempatan Sarawak. 	KATEGORI LESEN INDUK	KATEGORI CAWANGAN YANG BOLEH DIMOHON	Lesen A	APS cawangan hanya boleh memohon kategori Lesen A	Lesen B	APS cawangan hanya boleh memohon kategori Lesen B atau Lesen A	Lesen C	APS cawangan boleh memohon kategori Lesen A atau Lesen B atau Lesen C
KATEGORI LESEN INDUK	KATEGORI CAWANGAN YANG BOLEH DIMOHON								
Lesen A	APS cawangan hanya boleh memohon kategori Lesen A								
Lesen B	APS cawangan hanya boleh memohon kategori Lesen B atau Lesen A								
Lesen C	APS cawangan boleh memohon kategori Lesen A atau Lesen B atau Lesen C								
<p>S.13E(2) Syarat yang dinyatakan di bawah seksyen 9 hendaklah terpakai bagi permohonan lesen di bawah seksyen ini.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Syarat di bawah Seksyen 9 Akta hendaklah terpakai untuk penubuhan cawangan lesen APS. 								
<p>S.13E(3) Setiap permohonan lesen bagi penubuhan cawangan hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah dalam apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dan hendaklah disertakan dengan fi proses sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Permohonan lesen hendaklah disertakan dengan fi proses permohonan lesen cawangan RM100.00. 								
<p>S.13E(4) Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu notis bertulis kepada pemohon berkenaan dengan keputusannya sama ada untuk memberikan atau</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Keputusan terhadap permohonan lesen cawangan hendaklah diberikan secara bertulis. 								

menolak untuk memberikan suatu lesen di bawah subseksyen (1).	
<p>S.13E(5) Jika permohonan di bawah subseksyen (1) diluluskan, pemohon hendaklah, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh notis di bawah subseksyen (4), membayar fi lesen sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertamadan mendepositkan wang jaminan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● APS hendaklah mendepositkan wang jaminan RM5,000.00 bagi lesen A atau RM100,000.00 bagi lesen B atau RM250,000.00 bagi lesen C dalam tempoh 30 hari dari tarikh notifikasi keputusan mengikut jumlah kategori lesen dan fi lesen sebanyak RM500.00. <p>Seksyen Berkaitan</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Jadual Pertama Akta 246 ● Jadual Kedua Akta 246
<p>S.13E(6) Jika pemohon tidak membayar lesen fi dan wang jaminan dalam masa tiga puluh hari sebagaimana yang dinyatakan di bawah subseksyen (5), Ketua Pengarah boleh menolak untuk memberikan lesen tanpa menjejaskan permohonan baharu yang dibuat oleh pemohon.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Ketua Pengarah boleh menolak permohonan jika APS gagal membayar fi lesen dan wang jaminan dalam tempoh yang ditetapkan. ● Walau bagaimanapun, perkara ini tidak akan menjejaskan permohonan baharu yang dikemukakan oleh APS.
<p>S.13E(7) Mana-mana agensi pekerjaan swasta yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Denda bagi kesalahan dibawah kesalahan (1) Akta adalah tidak melebihi RM200,000.00 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya.
Seksyen 13F: Permohonan bagi pertukaran kategori lesen	
<p>S.13F(1) Suatu agensi pekerjaan swasta boleh memohon kepada Ketua Pengarah untuk menukar kategori lesennya mengikut kategori lesen sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dalam apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dan permohonan itu hendaklah disertakan dengan fi proses sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Pertukaran kategori lesen oleh APS hendaklah dibuat melalui permohonan kepada Ketua Pengarah mengikut kategori lesen seperti di Jadual Kedua. ● Permohonan pertukaran kategori lesen hendaklah disertakan dengan fi proses sebanyak RM100.00.
<p>S.13F(2) Ketua Pengarah boleh, selepas mempertimbangkan permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1), meluluskan atau menolak permohonan itu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Ketua Pengarah boleh meluluskan atau menolak permohonan pertukaran kategori lesen.

<p>S.13F(3) Jika Ketua Pengarah meluluskan permohonan di bawah subseksyen (2), Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu notis bertulis kepada pemohon, dan dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh notis bertulis, pemohon hendaklah membayar fi lesen sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan menandatangani wang jaminan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Sekiranya permohonan pertukaran kategori lesen diluluskan, pemohon akan dimaklumkan secara bertulis untuk membayar fi lesen RM500.00 (Jadual Pertama) dan wang jaminan mengikut kategori lesen (Jadual Kedua) dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis. <p>Seksyen Berkaitan</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Jadual Pertama Akta 246 ● Jadual Kedua Akta 246
<p>S.13F(4) Jika pemohon tidak membayar fi lesen dan wang jaminan dalam masa tiga puluh hari sebagaimana yang dinyatakan di bawah subseksyen (3), Ketua Pengarah boleh menolak untuk memberikan lesen tanpa menjejaskan permohonan baharu yang dibuat oleh pemohon.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Ketua Pengarah boleh menolak permohonan jika APS gagal membayar fi lesen dan wang jaminan dalam tempoh yang ditetapkan. ● APS boleh mengemukakan permohonan baharu pada bila-bila masa sekalipun permohonan sebelum ini telah ditolak kerana gagal mematuhi Seksyen 13F(4) Akta.
<p>S.13F(5) Jika Ketua Pengarah menolak permohonan di bawah subseksyen (2), Ketua Pengarah hendaklah memberitahu pemohon dengan notis bertulis berkenaan dengan keputusannya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Keputusan terhadap permohonan pertukaran kategori lesen hendaklah diberikan secara bertulis.
<p>Seksyen 13G: Notis pemberhentian operasi</p>	
<p>S.13G(1) Suatu agensi pekerjaan swasta yang bercadang memberhentikan operasinya pada bila-bila masa sebelum tarikh habis tempoh lesen atau tidak berniat untuk memperbaharui lesennya hendaklah, dalam tempoh masa sekurang-kurangnya enam puluh hari dari tarikh pemberhentian operasi—</p> <p>(a) mengemukakan notis bertulis kepada Ketua Pengarah;</p> <p>(b) mengiklankan notis pemberhentian operasi sekurang-kurangnya sekali dalam satu akhbar harian berbahasa kebangsaan yang mempunyai edaran seluruh negara;</p> <p>(c) menampal notis pemberhentian operasi di premis agensi pekerjaan swasta itu di tempat yang sesuai dan mudah dilihat sehingga tarikh akhir operasi; dan</p> <p>(d) menyiarkan notis pemberhentian operasi dalam laman sesawangnya secara berterusan sehingga tarikh pemberhentian operasi, jika ada.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● APS yang hendak memberhentikan operasi hendaklah mengambil tindakan berikut sekurang-kurangnya 60 hari sebelum tarikh pemberhentian operasi: <ul style="list-style-type: none"> i. mengemukakan notis bertulis kepada Ketua Pengarah; ii. mengiklankan notis pemberhentian operasi sekurang-kurangnya sekali dalam satu akhbar harian berbahasa kebangsaan yang mempunyai edaran seluruh negara; iii. menampal notis pemberhentian operasi di premis APS di tempat yang sesuai dan mudah dilihat; dan iv. menyiarkan notis pemberhentian operasi dalam laman sesawang APS secara berterusan sehingga tarikh pemberhentian operasi, jika ada.

<p>S.13G(2) Mana-mana agensi pekerjaan swasta yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Denda bagi kesalahan di bawah kesalahan Seksyen 13G(1) Akta adalah tidak melebihi RM100,000.00 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.
---	---

Seksyen 14: Fi bagi perkhidmatan

<p>S.14(1) Tiada satu pun agensi pekerjaan swasta boleh mengenakan bagi sesuatu perkhidmatan yang diberi fi kepada pencari kerja dan pekerja bukan warganegara yang lain atau yang lebih daripada fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan bagi tiap-tiap fi yang diterima suatu resit hendaklah dikeluarkan.</p> <p>S.14(2) <i>(Dipotong oleh Akta A1554).</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> • APS hanya boleh mengenakan: <ul style="list-style-type: none"> – fi pendaftaran dan atau fi penempatan kepada pencari kerja; dan – fi penempatan untuk pekerja bukan warganegara. • Resit hendaklah dikeluarkan bagi setiap fi yang diterima. • Jika fi ini dibayar oleh majikan, rujuk Seksyen 14B(3) Akta. • Denda bagi kesalahan di bawah Seksyen 14(1) Akta tidak lebih RM50,000.00 atau penjara tidak lebih 1 tahun atau kedua-duanya. <p>Seksyen Berkaitan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jadual Pertama Akta 246
--	---

Seksyen 14A: Fi pendaftaran

<p>S.14A Suatu agensi pekerjaan swasta boleh mengenakan fi pendaftaran sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada mana-mana pencari kerja bagi semua kategori pekerjaan di dalam atau di luar Malaysia selepas pendaftaran pencari kerja dengan agensi pekerjaan swasta.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Fi pendaftaran boleh dikenakan kepada pencari kerja bagi pekerjaan dalam Malaysia atau luar Malaysia selepas pendaftaran pencari kerja dengan APS. • APS boleh mengenakan fi pendaftaran sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Akta. • Fi pendaftaran seperti Jadual Pertama Akta: <table border="1" data-bbox="774 1713 1476 1937"> <thead> <tr> <th>FI PENDAFTARAN</th> <th>JUMLAH FI (RM)</th> <th>TEMPOH SAH PENDAFTARAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pekerjaan Dalam Negara</td> <td>30.00 dan ke bawah</td> <td>12 bulan</td> </tr> <tr> <td>Pekerjaan Luar Negara</td> <td>50.00 dan ke bawah</td> <td>6 bulan</td> </tr> </tbody> </table> <p>Seksyen Berkaitan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jadual Pertama Akta 246 	FI PENDAFTARAN	JUMLAH FI (RM)	TEMPOH SAH PENDAFTARAN	Pekerjaan Dalam Negara	30.00 dan ke bawah	12 bulan	Pekerjaan Luar Negara	50.00 dan ke bawah	6 bulan
FI PENDAFTARAN	JUMLAH FI (RM)	TEMPOH SAH PENDAFTARAN								
Pekerjaan Dalam Negara	30.00 dan ke bawah	12 bulan								
Pekerjaan Luar Negara	50.00 dan ke bawah	6 bulan								

Seksyen 14B: Fi penempatan

S.14B(1)

Suatu agensi pekerjaan swasta boleh mengenakan fi penempatan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada mana-mana pencari kerja atau pekerja bukan warganegara setelah penerimaan tawaran pekerjaan oleh mereka.

- Fi penempatan boleh dikenakan oleh APS kepada pencari kerja atau pekerja bukan warganegara setelah mereka menerima tawaran pekerjaan.

S.14B(2)

Fi penempatan yang dikenakan di bawah subseksyen (1) boleh dibayar oleh majikan pencari kerja atau pekerja bukan warganegara.

- Sekiranya fi penempatan dibayar oleh majikan, APS tidak boleh menuntut fi penempatan daripada pencari kerja atau pekerja bukan warganegara.

S.14B(3)

Jika fi penempatan dibayar mengikut subseksyen (2), fi penempatan tidak boleh dituntut oleh agensi pekerjaan swasta daripada pencari kerja atau pekerja bukan warganegara itu.

- Fi pendaftaran seperti Jadual Pertama Akta:

Jenis penempatan	Jumlah fi
Pencari kerja yang bekerja dalam Malaysia	Tidak melebihi 25% daripada gaji pokok bulan pertama pekerja
Pencari kerja yang bekerja diluar Malaysia	Tidak melebihi 25% daripada gaji pokok bulan pertama pekerja
Pencari kerja yang bekerja bukan warganegara yang bekerja di Malaysia	Tidak melebihi daripada sebulan gaji pokok bulan pertama pekerja

Seksyen Berkaitan

- Jadual Pertama Akta 246

Seksyen 14C: Wang jaminan

S.14C

Apabila lesen diberikan oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 9A, agensi pekerjaan swasta hendaklah menandatangani wang jaminan kepada Ketua Pengarah mengikut kategori lesen sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

- Wang jaminan hendaklah didepositkan kepada Ketua Pengarah mengikut kategori lesen seperti dalam Jadual Kedua Akta.

Kategori lesen	Wang jaminan	Wang jaminan untuk menubuhkan cawangan baru
Lesen A Untuk penempatan pekerjaan bagi pencari kerja di dalam Malaysia	RM5,000	RM5,000

	<p>Lesen B Untuk penempatan pekerjaan bagi pencari kerja di dalam dan di luar Malaysia, dan pekhidmat domestik asing di dalam Malaysia</p>	RM100,000	RM30,000
	<p>Lesen C Untuk penempatan pekerjaan bagi pencari kerja di dalam dan di luar Malaysia, dan pekerja bukan warganegara di dalam Malaysia</p>	RM250,000	RM100,000
<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Wang jaminan ini adalah cagaran untuk membantu pencari kerja, pekerja bukan warganegara dan majikan sekiranya menjadi mangsa kepada kegagalan APS menjalankan tanggungjawab seperti menampung kos penghantaran balik, penyediaan tempat tinggal, makan dan minum. - Keperluan mendepositkan wang jaminan juga bertujuan untuk memastikan hanya syarikat yang benar-benar komited sahaja memohon lesen dan menjalankan operasi sebagai APS. <p>Seksyen Berkaitan</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Jadual Kedua Akta 246 			

Seksyen 14D: Penggunaan wang jaminan oleh Ketua Pengarah

<p>S.14D(1) Ketua Pengarah boleh, apabila memberi notis terdahulu kepada agensi pekerjaan swasta, menggunakan wang jaminan yang didepositkan di bawah Akta ini bagi maksud untuk memastikan tanggungjawab agensi pekerjaan swasta kepada pencari kerja, pekerja bukan warganegara atau majikan telah dipenuhi.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Ketua Pengarah diberi kuasa menggunakan sebahagian atau keseluruhan wang jaminan yang telah didepositkan oleh APS bagi tujuan menampung segala perbelanjaan atau apa-apa hak pencari kerja, pekerja bukan warganegara atau majikan yang gagal dipenuhi oleh APS tersebut. ● Satu notis hendaklah terlebih dahulu dikemukakan kepada APS sebelum wang jaminan tersebut digunakan. <p>Contoh kegagalan APS:</p> <ul style="list-style-type: none"> - APS gagal membekalkan pembantu rumah kepada majikan yang telah membayar wang deposit
---	---

	<p>kepada APS dalam tempoh yang dipersetujui.</p> <ul style="list-style-type: none"> - APS gagal menempatkan pekerja bukan warganegara kepada majikan dan gagal menanggung kos penghantaran semula ke negara asal. - pekerja warganegara Malaysia yang terkandas di luar atau dalam negara yang dijanjikan pekerjaan oleh APS. <p>Contoh penggunaan wang jaminan adalah bagi tujuan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - perbelanjaan makanan dan minuman, penginapan, perjalanan dan keperluan asas pencari kerja atau pekerja bukan warganegara yang terkilan dan direkrut melalui APS tersebut; - bayaran balik fi penempatan kepada pencari kerja, pekerja bukan warganegara atau majikan; - perbelanjaan bagi kos mengadakan dokumen perjalanan bagi tujuan penghantaran pulang pekerja bukan warganegara ke negara asal; dan - perbelanjaan lain yang berkaitan secara langsung dengan pencari kerja, pekerja bukan warganegara dan majikan.
<p>S.14D(2) Jika Ketua Pengarah menggunakan wang jaminan di bawah subseksyen (1), agensi pekerjaan swasta hendaklah mengeluarkan deposit tambahan dalam bentuk wang jaminan supaya jumlah wang jaminan kekal pada sepanjang masa sebagaimana nilai yang dinyatakan dalam Jadual Kedua selepas menerima notis bagi deposit tambahan daripada Ketua Pengarah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● APS dikehendaki menggantikan, menggenapkan atau mengemukakan semula wang jaminan mengikut jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Kedua sekiranya wang jaminan asal telah digunakan dalam tempoh sah laku lesen.
<p>S.14D(3) Jika agensi pekerjaan swasta tidak mendepositkan wang jaminan tambahan dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis yang disebut dalam subseksyen (2) yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah, Ketua Pengarah boleh mengeluarkan notis untuk menggantung lesen agensi pekerjaan itu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Ketua Pengarah boleh mengeluarkan notis untuk menggantung lesen sekiranya APS tidak menggantikan semula wang jaminan yang telah digunakan dalam tempoh yang ditetapkan.
<p>S.14D(4) Jika agensi pekerjaan swasta tidak mendepositkan wang jaminan tambahan dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis penggantungan, Ketua Pengarah hendaklah membatalkan lesen agensi pekerjaan swasta itu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Ketua Pengarah hendaklah membatalkan lesen APS yang gagal menggantikan semula wang jaminan yang telah digunakan dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis penggantungan.

Seksyen 14E: Pemulangan wang jaminan

<p>S.14E(1) Ketua Pengarah boleh memulangkan wang jaminan kepada suatu agensi pekerjaan swasta, tertakluk kepada apa-apa potongan, apabila menerima suatu permohonan bertulis daripada agensi pekerjaan swasta jika—</p> <p>(a) agensi pekerjaan swasta telah terhenti beroperasi;</p> <p>(b) lesen agensi pekerjaan swasta telah dibatalkan; atau</p> <p>(c) lesen agensi pekerjaan swasta telah habis tempoh dan tiada permohonan untuk membaharui lesen dibuat oleh agensi pekerjaan swasta.</p>	<ul style="list-style-type: none">● Wang jaminan boleh dipulangkan kepada APS setelah Ketua Pengarah menerima permohonan secara bertulis daripada APS, tertakluk kepada apa-apa potongan sekiranya:<ol style="list-style-type: none">i. APS telah tidak beroperasi;ii. lesen APS telah dibatalkan; atauiii. APS tidak memperbaharui lesen setelah lesen tamat tempoh.
<p>S.14E(2) Ketua Pengarah boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat kepada agensi pekerjaan swasta apabila menerima permohonan di bawah subseksyen (1) bagi maksud kelulusan.</p>	<ul style="list-style-type: none">● Apa-apa terma dan syarat boleh dikenakan kepada APS oleh Ketua Pengarah apabila mempertimbangkan kelulusan permohonan pemulangan wang jaminan.
<p>S.14E(3) Apabila permohonan di bawah subseksyen (2) diluluskan, wang jaminan hendaklah dipulangkan dalam tempoh sembilan puluh hari kepada agensi pekerjaan swasta dari tarikh kelulusan.</p>	<ul style="list-style-type: none">● Wang jaminan hendaklah dipulangkan dalam tempoh 90 hari kepada APS dari tarikh kelulusan oleh Ketua Pengarah.
<p>S.14E(4) Walau apa pun subseksyen (2), Ketua Pengarah boleh, memulangkan wang jaminan kepada agensi pekerjaan swasta secepat mungkin jika terdapat perubahan dalam kategori lesen bagi agensi pekerjaan swasta itu.</p>	<ul style="list-style-type: none">● Ketua Pengarah boleh memulangkan wang jaminan kepada APS secepat mungkin sekiranya terdapat perubahan dalam kategori lesen APS tersebut.

Seksyen 14F: Pelucuthakan wang jaminan

<p>S.14F(1) Jika suatu agensi pekerjaan swasta telah terhenti beroperasi atau lesennya telah dibatalkan atau habis tempoh, agensi pekerjaan swasta itu hendaklah menuntut wang jaminannya dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh pemberhentian operasi atau habis tempoh lesen.</p>	<ul style="list-style-type: none">● APS hendaklah menuntut wang jaminannya dalam tempoh 12 bulan dari tarikh:<ol style="list-style-type: none">i. pemberhentian operasi;ii. pembatalan lesen; atauiii. tamat tempoh sah laku lesen.
--	---

<p>S.14F(2) Jika agensi pekerjaan swasta itu tidak menuntut wang jaminannya dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (1), Ketua Pengarah hendaklah, melalui pemberitahuan dalam <i>Warta</i>, memberitahu agensi pekerjaan swasta yang berkaitan yang wang jaminan mereka akan dilucuthakkan selepas habis tempoh tiga bulan dari tarikh <i>Warta</i>.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Sekiranya APS tidak membuat tuntutan wang jaminan selepas tempoh 12 bulan, Ketua Pengarah hendaklah membuat pemberitahuan dalam <i>warta</i> untuk APS mengemukakan tuntutan wang jaminan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh <i>warta</i>. ● Kegagalan APS membuat tuntutan dalam tempoh tersebut menyebabkan APS kehilangan hak ke atas wang jaminan tersebut.
<p>S.14F(3) Wang jaminan yang telah dilucuthakkan di bawah subseksyen (2) hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Wang jaminan yang telah dilucuthakkan hendaklah dipindahkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.
<p>Seksyen 15–17: (Dipotong oleh Akta AI554).</p>	
<p>Seksyen 18: Iklan</p>	
<p>S.18(1) Tiada satu pun agensi pekerjaan swasta boleh mengiklan dalam apa-apa media massa melainkan jika iklan itu mengandungi—</p> <p>(a) nombor lesen; dan (b) maklumat betul mengenai iklan itu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Iklan APS hendaklah mengandungi: <ul style="list-style-type: none"> i. nombor lesen; dan ii. maklumat yang betul mengenai iklan itu. <p>Seksyen Berkaitan</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Seksyen 3 Akta 246
<p>S.18(2) Mana-mana agensi pekerjaan swasta yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Denda bagi kesalahan di bawah Seksyen 18(1) Akta tidak lebih RM50,000.00 atau penjara tidak lebih 1 tahun atau kedua-duanya.
<p>Seksyen 19: Penyediaan, penyenggaraan dan penyimpanan rekod</p>	
<p>S.19(1) Tiap-tiap agensi pekerjaan swasta hendaklah menyediakan, menyenggara dan menyimpan rekod sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah seperti yang berikut:</p> <p>(a) rekod pendaftaran pencari kerja; (b) rekod pendaftaran majikan; (c) rekod mengenai kekosongan pekerjaan;</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● APS hendaklah menyediakan, menyenggara dan menyimpan rekod mengikut ketetapan Ketua Pengarah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. rekod pendaftaran pencari kerja; ii. rekod pendaftaran majikan; iii. rekod mengenai kekosongan pekerjaan; iv. rekod penempatan pencari kerja dan pekerja bukan warganegara;

<p>(d) rekod penempatan pencari kerja dan pekerja bukan warganegara; (e) rekod fi yang dipungut; dan (f) apa-apa rekod lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.</p>	<p>v. rekod fi yang dipungut; dan vi. apa-apa rekod lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.</p>
<p>S.19(2) Agensi pekerjaan swasta hendaklah menyimpan rekod bagi tempoh tidak kurang dari enam tahun dari tarikh perekodan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Tempoh penyimpanan rekod adalah tidak kurang dari 6 tahun.
<p>S.19(3) Agensi pekerjaan swasta hendaklah mengemukakan semua rekod di bawah subseksyen (1) jika Ketua Pengarah, melalui arahan bertulis, menghendaki agensi pekerjaan swasta supaya mengemukakan rekod itu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> APS hendaklah mengemukakan semua rekod tersebut sekiranya dikehendaki secara bertulis oleh Ketua Pengarah. <p>Nota: Ketua Pengarah telah mengeluarkan arahan secara bertulis melalui Arahan Ketua Pengarah Tenaga Kerja Berhubung Prosedur Pelesenan di bawah Seksyen 23 Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 Bil.2/2018 supaya rekod bulanan seperti di Seksyen 19(1) Akta dikemukakan secara setiap 3 bulan.</p>
<p>S.19(4) Agensi pekerjaan swasta yang melanggar subseksyen (1), (2) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Denda bagi kesalahan di bawah Seksyen 19 (1), (2) atau (3) adalah tidak melebihi RM20,000.00.
<p>Seksyen 19A: Pemberitahuan perubahan maklumat yang diberikan</p>	
<p>S.19A Agensi pekerjaan swasta hendaklah memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis apabila berlakunya apa-apa perubahan material dalam apa-apa maklumat yang diberikan kepada Ketua Pengarah berhubung dengan—</p> <p>(a) maklumat yang berhubungan dengan semua rekod di bawah seksyen 19; (b) pengarah yang dinamakan dalam borang permohonan yang bertanggungjawab bagi hal ehwal agensi pekerjaan swasta; dan (c) apa-apa maklumat lain atau penjelasan bertulis sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah, berkenaan dengan apa-apa maklumat yang diberikan oleh agensi pekerja swasta.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Sebarang perubahan maklumat seperti di bawah hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada Ketua Pengarah: <ol style="list-style-type: none"> maklumat yang berkaitan dengan semua rekod di bawah Seksyen 19; pengarah yang bertanggungjawab bagi hal ehwal APS; dan apa-apa maklumat lain atau penjelasan bertulis yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah. <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> maklumat pemilikan syer dan aktiviti perniagaan.

Seksyen 20: *(Dipotong oleh Akta A1554).*

Seksyen 21: Kuasa penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan

S.21

Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai tenaga kerja di bawah seksyen 4A hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis tidak kira apa jua pangkatnya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593], berhubung dengan penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan dan kuasa itu hendaklah sebagai tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta ini dan bukan pengurangan kuasa itu.

- Pegawai Tenaga Kerja di bawah Seksyen 4A diberi kuasa tambahan untuk menjalankan tindakan penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan seperti seorang pegawai polis mengikut peruntukan Kanun Tatacara Jenayah.

Seksyen 22: *(Dipotong oleh Akta A1554).*

Seksyen 23: Kuasa untuk mengeluarkan arahan

S.23

Ketua Pengarah boleh mengeluarkan kepada sesuatu agensi pekerjaan swasta apa-apa arahan sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi maksud memastikan bahawa perjalanan agensi itu mengikut peruntukan Akta ini, dan mana-mana agensi yang kepadanya dikeluarkan apa-apa arahan sedemikian itu hendaklah mematuhi dalam tempoh yang dinyatakan dalam arahan itu.

- Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk mengeluarkan apa-apa arahan kepada APS bagi memastikan pelaksanaan Akta ini dipatuhi.

Contoh arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah:

- Arahan Ketua Pengarah Tenaga Kerja Berhubung Prosedur Pelesenan di bawah Seksyen 23 Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 Bil.2/2018 meliputi perkara seperti:
 - i. premis perniagaan;
 - ii. aktiviti yang dibenarkan dan tidak dibenarkan; dan
 - iii. papan tanda.

Seksyen 24 - 25: *(Dipotong oleh Akta A1554).*

Seksyen 26: Rayuan

S.26(1)

Seseorang yang terkilan dengan keputusan Ketua Pengarah di bawah Akta ini boleh, dalam tempoh tiga puluh hari daripada pemberitahuan keputusan itu, merayu secara bertulis kepada Menteri.

- Mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan sebarang keputusan Ketua Pengarah boleh mengemukakan rayuan secara bertulis kepada Menteri dalam tempoh 30 hari dari tarikh keputusan diterima.

<p>S.26(2) Menteri boleh, selepas mempertimbangkan rayuan di bawah subseksyen (1), mengesahkan, mengakas atau mengubah keputusan Ketua Pengarah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Menteri boleh mempertimbangkan rayuan dengan: <ul style="list-style-type: none"> i. mengesahkan; ii. mengakas (memberi keputusan bertentangan dengan keputusan terdahulu); atau iii. mengubah.
<p>S.26(3) Bagi mengelakkan keraguan, rayuan yang dibuat di bawah subseksyen (1), tidaklah menggantung keputusan yang dirayu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Keputusan Ketua Pengarah masih terpakai dalam tempoh rayuan.
<p>Seksyen 27: Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan</p>	
<p>S.27(1) (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang perlu atau suai manfaat bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Menteri mempunyai kuasa untuk membuat peraturan bagi melaksanakan Akta ini.
<p>S.27(2) Tanpa menjejaskan keluasan makna subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:</p> <p>(a) menetapkan apa-apa perkara yang dikehendaki di bawah Akta ini supaya ditetapkan; atau</p> <p>(b) menetapkan denda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit bagi pelanggaran atau ketidakpatuhan dengan mana-mana peruntukan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Peraturan-peraturan yang boleh dibuat adalah berkaitan: <ul style="list-style-type: none"> i. apa-apa perkara yang perlu ditetapkan di bawah Akta ini; atau ii. menetapkan denda tidak melebihi RM250,000.00 bagi pelanggaran atau ketidakpatuhan dengan mana-mana peruntukan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.
<p>Seksyen 27A: Kuasa untuk meminda Jadual</p>	
<p>S.27A Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam <i>Warta</i>, meminda mana-mana Jadual.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Menteri mempunyai kuasa untuk meminda Jadual Pertama dan Jadual Kedua dalam Akta melalui pewartaan perintah.
<p>Seksyen 28: Kesalahan dan penalti</p>	
<p>S.28 Mana-mana orang yang—</p> <p>(a) mengenakan atau menerima sendiri atau melalui seseorang lain, bagi</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Mana-mana orang adalah melakukan kesalahan sekiranya: <ul style="list-style-type: none"> i. mengenakan atau menerima sendiri atau melalui seseorang lain mengambil fi melebihi

<p>perkhidmatannya, apa-apa jumlah yang lebih besar daripada fi yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;</p> <p>(b) dengan diketahuinya memperdaya mana-mana pencari kerja, majikan atau pekerja bukan warganegara dengan memberikan maklumat palsu; atau</p> <p>(c) melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini,</p> <p>melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.</p>	<p>jumlah yang ditetapkan dalam Jadual Pertama Akta;</p> <p>Nota: Fi yang boleh dikenakan atau diambil adalah fi pendaftaran dan fi penempatan sebagaimana Jadual Pertama Akta.</p> <p>ii. menipu atau memberi maklumat palsu kepada pencari kerja, pekerja bukan warganegara atau majikan; atau</p> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Contoh maklumat palsu: tempat pekerjaan tidak wujud, tawaran perjawatan, gaji termasuk lain-lain terma yang palsu atau kelayakan pencari kerja. <p>Ilustrasi:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Cik A ditawarkan pekerjaan sebagai pekerja am di sebuah kilang di Malaysia, tetapi apabila tiba di Malaysia, dia diarahkan bekerja sebagai pembantu rumah. <p>iii. tidak mematuhi peruntukan Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini.</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Denda tidak melebihi RM50,000.00 atau dipenjarakan tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya. <p>Seksyen Berkaitan</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Seksyen 32
<p>Seksyen 29: (Dipotong oleh Akta A1554).</p>	
<p>Seksyen 30: Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan</p>	
<p>S.30</p> <p>Mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu merupakan pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpama bagi pertubuhan perbadanan itu melakukan kesalahan di bawah Akta ini, boleh dipertuduh secara berasingan atau bersesama dalam prosiding yang sama dengan pertubuhan perbadanan dan jika pertubuhan perbadanan itu didapati telah melakukan kesalahan itu, hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Sekiranya kesalahan dilakukan oleh pertubuhan perbadanan, mana-mana pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang dalam kapasiti yang sama boleh didakwa secara bersekali atau berasingan dalam prosiding yang sama dengan pertubuhan perbadanan. <p>Nota:</p> <p>Maksud pertubuhan perbadanan:</p> <p>Syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [Akta 197] atau Akta Syarikat 2016 [Akta 777] boleh menjalankan amalan dalam bidang perancangan. Pertubuhan perbadanan ini terdiri</p>

<p>(a) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya, persetujuannya atau pembiarannya; dan</p> <p>(b) bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan menjalankan usaha yang wajar untuk menghalang pelakuan kesalahan itu.</p>	<p>daripada pemilikan tunggal, perkongsian atau syarikat Sendirian Berhad.</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Pertubuhan perbadanan adalah melakukan kesalahan kecuali dibuktikan dalam keadaan berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. kesalahan dilakukan: <ul style="list-style-type: none"> - diluar pengetahuannya; - tanpa persetujuannya; atau - tidak mengabaikannya. ii. telah berusaha atau mengambil tindakan yang munasabah atau menghalang kesalahan itu dilakukan.
---	---

Seksyen 31: Pendakwaan

<p>S.31 Pembicaraan bagi kesalahan terhadap Akta ini atau terhadap mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya tidak boleh dimulakan atau dijalankan kecuali dengan keizinan secara bertulis daripada Pendakwa Raya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Tindakan pendakwaan atau kompaun di bawah Akta atau peraturan-peraturan di bawahnya mestilah mendapat kebenaran bertulis daripada Pendakwa Raya.
---	--

Seksyen 32: Kuasa untuk mengkompaun kesalahan

<p>S.32(1) Menteri boleh, dengan keizinan Pendakwa Raya, membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan—</p> <p>(a) mana-mana kesalahan di bawah Akta ini dan apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang boleh dikompaun;</p> <p>(b) kriteria bagi mengkompaun kesalahan itu; dan</p> <p>(c) kaedah dan tatacara bagi mengkompaun kesalahan itu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Menteri mempunyai kuasa untuk membuat peraturan berkaitan kompaun dengan izin pendakwa raya. ● Senarai kesalahan yang boleh dikompaun adalah melibatkan kesalahan kecil yang mudah untuk dibuktikan seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. Seksyen 13(2): gagal mempamer lesennya di suatu tempat yang mudah dilihat dalam premis; ii. Seksyen 13A(3): gagal memohon salinan lesen daripada Ketua Pengarah jika lesen hilang, musnah atau rosak; iii. Seksyen 13D(4): APS yang tidak memohon dokumen pengenalan diri atau tidak memberikan dokumen pengenalan diri kepada pekerjaanya yang menjalankan aktiviti merekrut; iv. Seksyen 13D(5): pekerja APS tidak mengemukakan dokumen pengenalan diri apabila dikehendaki; v. Seksyen 13D(7): APS tidak memohon salinan gantian dokumen pengenalan diri jika dokumen pengenalan diri hilang, musnah atau rosak; dan
---	---

	<ul style="list-style-type: none"> vi. Seksyen 19(1): gagal menyediakan, menyenggara dan menyimpan rekod sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, vii. Seksyen 19(2): tidak menyimpan rekod bagi tempoh 6 tahun; viii. Seksyen 19(3): gagal mengemukakan semua rekod jika dikehendaki melakukannya.
<p>S.32(2) Ketua Pengarah boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun apa-apa kesalahan, kecuali kesalahan di bawah subseksyen 7(2), 13B(2), 13C(2), 13E(7), 13G(2), 18(2) dan seksyen 28 yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dan ditetapkan sebagai kesalahan boleh kompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Ketua Pengarah suatu amaun yang tidak melebihi lima puluh peratus amaun denda maksimum bagi kesalahan itu dalam apa-apa masa yang dinyatakan dalam tawaran bertulisnya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Sekiranya melibatkan kesalahan yang serius, ia tidak boleh dikompaun dan boleh didakwa seperti kesalahan berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. Seksyen 7(2): melakukan aktiviti merekrut tanpa lesen; ii. Seksyen 13B(2): menyerahkan hak atau memindah lesen yang diberikan kepada orang lain tanpa kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah; iii. Seksyen 13C(2): menyewakan atau memajakkan lesen yang diberikan; iv. Seksyen 13E(7): menubuhkan cawangan tanpa membuat permohonan kepada Ketua Pengarah; v. Seksyen 13G(2): memberhentikan operasi APS tanpa mematuhi Seksyen 13G(1); vi. Seksyen 18(2): mengiklan dalam apa-apa media masa tanpa mematuhi Seksyen 18(1); dan vii. Seksyen 28: <ul style="list-style-type: none"> (a) menerima atau mengenakan fi perkhidmatan lebih besar daripada yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Akta; (b) memperdaya pencari kerja, majikan atau pekerja bukan warganegara dengan memberi maklumat palsu; atau (c) melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini.
<p>S.32(3) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Tawaran kompaun boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa tindakan pendakwaan dimulakan.

<p>S.32(4) Jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa masa lanjutan yang diberikan oleh Ketua Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Tindakan pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa jika kompaun itu tidak dibayar dalam masa yang ditetapkan dalam tawaran kompaun atau dalam apa-apa masa lanjutan yang diberikan oleh Ketua Pengarah.
<p>S.32(5) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (2), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat, dan mana-mana dokumen atau benda lain yang disita berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan oleh Ketua Pengarah, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Tiada tindakan pendakwaan boleh dilakukan bagi kesalahan tersebut sekiranya tindakan kompaun telah disempurnakan.
<p>S.32(6) Semua jumlah wang yang diterima oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Bayaran kompaun yang diterima oleh Ketua Pengarah hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

JADUAL PERTAMA
[Seksyen 8, 9A, 11, 13A, 13D, 13E, 13F, 14, 14A, 14B, 28]

KANDUNGAN AKTA		PENERANGAN																											
<table border="1" style="width: 100%;"> <thead> <tr> <th style="width: 70%;">Jenis Fi (1)</th> <th style="width: 30%;">Jumlah Fi (2)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>(1) Bagi penubuhan agensi pekerjaan swasta</td> <td></td> </tr> <tr> <td>(a) Fi Lesen</td> <td style="text-align: center;">RM500</td> </tr> <tr> <td>(b) Fi Proses</td> <td></td> </tr> <tr> <td style="padding-left: 20px;">(i) Permohonan lesen</td> <td style="text-align: center;">RM300</td> </tr> <tr> <td style="padding-left: 20px;">(ii) Pembaharuan lesen</td> <td style="text-align: center;">RM100</td> </tr> <tr> <td style="padding-left: 20px;">(iii) Permohonan lesen cawangan</td> <td style="text-align: center;">RM100</td> </tr> <tr> <td style="padding-left: 20px;">(iv) Penggantian lesen</td> <td style="text-align: center;">RM100</td> </tr> <tr> <td style="padding-left: 20px;">(v) Permohonan menukar kategori lesen</td> <td style="text-align: center;">RM100</td> </tr> <tr> <td style="padding-left: 20px;">(vi) Dokumen pengenalan diri</td> <td style="text-align: center;">RM50</td> </tr> <tr> <td style="padding-left: 20px;">(vii) Penggantian dokumen pengenalan diri</td> <td style="text-align: center;">RM50</td> </tr> <tr> <td>(2) Fi yang dikenakan ke atas pencari kerja atau pekerja bukan warganegara</td> <td></td> </tr> <tr> <td>(a) Fi Pendaftaran</td> <td></td> </tr> <tr> <td style="padding-left: 20px;">(i) Fi yang dikenakan untuk pendaftaran bagi semua kategori pekerjaan dalam Malaysia kepada pencari kerja, pendaftaran itu adalah sah bagi</td> <td style="text-align: center;">RM30 dan ke bawah</td> </tr> </tbody> </table>	Jenis Fi (1)	Jumlah Fi (2)	(1) Bagi penubuhan agensi pekerjaan swasta		(a) Fi Lesen	RM500	(b) Fi Proses		(i) Permohonan lesen	RM300	(ii) Pembaharuan lesen	RM100	(iii) Permohonan lesen cawangan	RM100	(iv) Penggantian lesen	RM100	(v) Permohonan menukar kategori lesen	RM100	(vi) Dokumen pengenalan diri	RM50	(vii) Penggantian dokumen pengenalan diri	RM50	(2) Fi yang dikenakan ke atas pencari kerja atau pekerja bukan warganegara		(a) Fi Pendaftaran		(i) Fi yang dikenakan untuk pendaftaran bagi semua kategori pekerjaan dalam Malaysia kepada pencari kerja, pendaftaran itu adalah sah bagi	RM30 dan ke bawah	<ul style="list-style-type: none"> ● Jenis Fi: <ul style="list-style-type: none"> i. Bagi penubuhan Agensi Pekerjaan Swasta: <ul style="list-style-type: none"> a. Fi Lesen; dan b. Fi Proses ii. Fi yang dikenakan ke atas pencari kerja atau pekerja bukan warganegara: <ul style="list-style-type: none"> a. Fi Pendaftaran; dan b. Fi Penempatan <p>Seksyen Berkaitan</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Seksyen 8, 9A, 11, 13A, 13D, 13E, 13F, 14, 14A, 14B, 28
Jenis Fi (1)	Jumlah Fi (2)																												
(1) Bagi penubuhan agensi pekerjaan swasta																													
(a) Fi Lesen	RM500																												
(b) Fi Proses																													
(i) Permohonan lesen	RM300																												
(ii) Pembaharuan lesen	RM100																												
(iii) Permohonan lesen cawangan	RM100																												
(iv) Penggantian lesen	RM100																												
(v) Permohonan menukar kategori lesen	RM100																												
(vi) Dokumen pengenalan diri	RM50																												
(vii) Penggantian dokumen pengenalan diri	RM50																												
(2) Fi yang dikenakan ke atas pencari kerja atau pekerja bukan warganegara																													
(a) Fi Pendaftaran																													
(i) Fi yang dikenakan untuk pendaftaran bagi semua kategori pekerjaan dalam Malaysia kepada pencari kerja, pendaftaran itu adalah sah bagi	RM30 dan ke bawah																												

<p>semua kategori pekerjaan bagi tempoh selama dua belas bulan.</p> <p>(ii) Fi yang boleh dikenakan untuk pendaftaran semua kategori pekerjaan di luar Malaysia kepada pencari kerja, pendaftaran itu adalah sah bagi semua kategori pekerjaan bagi tempoh selama enam bulan.</p>	<p>RM50 dan ke bawah</p>	
<p>(b) Fi Penempatan</p> <p>(i) Pencari kerja yang bekerja di dalam Malaysia</p> <p>(ii) Pencari kerja yang bekerja di luar Malaysia</p> <p>(iii) Pekerja bukan warganegara yang bekerja di dalam Malaysia</p>	<p>Tidak lebih daripada 25% gaji pokok bulanan pertama pekerja</p> <p>Tidak lebih daripada 25% gaji pokok bulanan pertama pekerja</p> <p>Tidak lebih daripada satu bulan gaji pokok bulan pertama pekerja</p>	

JADUAL KEDUA
[Seksyen 8, 9, 9A, 11, 13E, 13F, 14C, 14D]

KANDUNGAN AKTA				PENERANGAN
Kategori lesen (1)	Modal berbayar (2)	Wang jaminan (3)	Wang jaminan untuk menubuhkan cawangan baru (4)	
Lesen A— Untuk penempatan pekerjaan bagi pencari kerja di dalam Malaysia	RM50,000	RM5,000	RM5,000	Seksyen Berkaitan <ul style="list-style-type: none"> ● Seksyen 8, 9, 9A, 11, 13E, 13F, 14C, 14D
Lesen B— Untuk penempatan pekerjaan bagi pencari kerja di dalam dan di luar Malaysia, dan pekhidmat domestik asing di dalam Malaysia	RM100,000	RM100,000	RM30,000	
Lesen C— Untuk penempatan pekerjaan bagi pencari kerja di dalam dan di luar Malaysia, dan pekerja bukan warganegara di dalam Malaysia	RM250,000	RM250,000	RM100,000	

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.U. (A) 213/1981	Perintah Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 1981	24-07-1981
Akta A1246	Akta Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2005	05-09-2005
Akta A1554	Akta Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2017	01-02-2018

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	Akta A1554	01-02-2018
3	Akta A1246 Akta A1554	05-09-2005 01-02-2018
4	Akta A1246 Akta A1554	05-09-2005 01-02-2018
4A	Akta A1554	01-02-2018
5	Akta A1554	01-02-2018
6	Akta A1554	01-02-2018
7	Akta A1554	01-02-2018
8	Akta A1554	01-02-2018
9	Akta A1554	01-02-2018
9A	Akta A1554	01-02-2018
9B	Akta A1554	01-02-2018
10	Akta A1554	01-02-2018
11	Akta A1554	01-02-2018
11A	Akta A1554	01-02-2018
13	Akta A1554	01-02-2018
13A	Akta A1554	01-02-2018
13B	Akta A1554	01-02-2018
13C	Akta A1554	01-02-2018
13D	Akta A1554	01-02-2018
13E	Akta A1554	01-02-2018
13F	Akta A1554	01-02-2018
13G	Akta A1554	01-02-2018
14	Akta A1554	01-02-2018
14A	Akta A1554	01-02-2018
14B	Akta A1554	01-02-2018
14C	Akta A1554	01-02-2018
14D	Akta A1554	01-02-2018
14E	Akta A1554	01-02-2018

14F	Akta A1554	01-02-2018
15	Akta A1554	01-02-2018
16	Akta A1554	01-02-2018
17	Akta A1554	01-02-2018
18	Akta A1554	01-02-2018
19	Akta A1554	01-02-2018
19A	Akta A1554	01-02-2018
20	Akta A1554	01-02-2018
21	Akta A1554	01-02-2018
22	Akta A1554	01-02-2018
24	Akta A1554	01-02-2018
25	Akta A1554	01-02-2018
26	Akta A1554	01-02-2018
27	Akta A1554	01-02-2018
27A	Akta A1554	01-02-2018
28	Akta A1554	01-02-2018
29	Akta A1554	01-02-2018
30	Akta A1554	01-02-2018
31	Akta A1554	01-02-2018
32	Akta A1554	01-02-2018
Jadual	P.U. (A) 213/1981 Akta A1554	24-07-1981 01-02-2018
Jadual Pertama	Akta A1554	01-02-2018
Jadual Kedua	Akta A1554	01-02-2018

SENARAI RUJUKAN

- Arahan Ketua Pengarah Tenaga Kerja Berhubung Tempoh Peralihan Di bawah Seksyen 23 Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 Bil. 1/2018. (sudah tidak terpakai apabila Arahan Ketua Pengarah Bil.2/2018 dikeluarkan) [\(R1\)](#)
- Arahan Ketua Pengarah Tenaga Kerja Berhubung Prosedur Pelesenan Di Bawah Seksyen 23 Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 Bil. 2/2018. [\(R2\)](#)
- *Standard Operating Procedure* (SOP) Permohonan Lesen Agensi Pekerjaan Swasta. [\(R3\)](#)
- Prosedur kompaun adalah seperti Surat Pekeliling Bahagian Penguatkuasaan Bil.1/2012: Pengendalian Proses Kerja Kompaun Di Bawah Seksyen 101A Akta Kerja 1955. [\(R4\)](#)
- Garis Panduan Berhubung Prosedur Pelesenan Di Bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 [Akta 246] [\(R5\)](#)

SIDANG REDAKSI

Penaung

Tuan Hj. Asri bin Ab. Rahman
Ketua Pengarah Tenaga Kerja
Semenanjung Malaysia

Penasihat

Tuan Hj. Mohd. Asri bin Abd. Wahab
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Encik Shanmugam a/l Thiagarajan
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Pembangunan)

Koordinator

Tuan Hj. Yusoff bin Harun
Pengarah, Bahagian Dasar & Perancangan Strategik

Ketua Pengarang

Tuan Hj. Mohd Hajazy bin Jusoh
Pengarah, Jabatan Tenaga Kerja Negeri Terengganu

Penyunting

- 1) Cik Norlia Anak Jawor
- 2) Puan Idawati binti Ibus
- 3) Encik Muzaffar bin Awang@Awang Mukhtar
- 4) Puan Nur Ruzaini binti Jamaludin
- 5) Puan Azlina binti Abd Aziz

Penyelaras

- 1) Dr. Aida binti Bakar
- 2) Puan Syamsyinar binti Hashim
- 3) Puan Nurul Azura binti Arif
- 4) Puan Zahrahtul Najihah binti Haji Razi
- 5) Encik Sharin Imran bin Bakri
- 6) Puan Nur Afeza binti Jaafar

Sekalung penghargaan kepada semua Pengarah Ibu Pejabat, JTK Negeri, JTK Sabah, JTK Sarawak dan semua pegawai serta kakitangan yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan *handbook* ini.



JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

Aras 5, Blok D3, Kompleks D
Pusat Pentadbiran
Kerajaan Persekutuan
62530, W.P Putrajaya

Tel	: 603 8000 8000
Pegawai Khidmat Pelanggan	: 603 8886 5192
Telekerja	: 603 8888 9111
Faksimili	: 603 8889 2368
Emel	: jtksm@mohr.gov.my

